



Laporan Tahunan **2014**

JABATAN MUZIUM MALAYSIA
Kementerian Pelancongan Dan Kebudayaan Malaysia



Laporan Tahunan 2014



Jabatan Muzium Malaysia
Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia

©Hak Cipta Terpelihara.

Tidak dibenarkan mengulang cetak mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Jabatan Muzium Malaysia, Jalan Damansara, 50566 Kuala Lumpur.





ISI KANDUNGAN

6 Sepatah Kata

6 Pena Emas
Menteri Pelancongan Dan
Kebudayaan Malaysia

8 Tinta Mutiara Ketua Setiausaha
Kementerian Pelancongan Dan
Kebudayaan

10 Setitip Kata KP JMM

12 Profil Korporat

14 Pengurusan Tertinggi JMM

16 Visi, Misi, Objektif dan
Fungsi

17 Carta Organisasi

18 Sejarah Muzium

24 Kejayaan & Pencapaian

26 Pembangunan Modal Insan

- Pemantapan Modal Insan
- Pembangunan Modal Insan
- JMM Di Arena Antarabangsa
- Teknologi Maklumat Dan Komunikasi
- Sumber Maklumat

30 Pengurusan Koleksi dan Konservasi

- Koleksi sebagai nadi utama muzium
- Konservasi artifak muzium menjadi tarikan

54 Merakyatkan muzium melalui pameran dan pengembangan

- Pameran sementara
- Pameran bergerak
- Kepakaran dalam bidang pameran diiktiraf
- Muzium berwajah baharu
- Pendidikan muzium

72 Penyelidikan dan Penerbitan

- Penerbitan sebagai wadah penyebaran maklumat
- Penyelidikan

88 Diari Korporat

- Program utama JMM
- Program dan acara pemasaran
- Sukarelawan muzium JMM

96 Program & Aktiviti JMM Wilayah

- Pameran dan pengembangan
- Pemasaran

102 Prestasi Kewangan

- Peruntukan mengurus
- Pembangunan Infrastruktur dan Prasarana

106 Muzium Sana-Sini



FAKTA NOMBOR PENCAPAIAN JMM 2014



3,071,579

pengunjung melawat muzium



21 buah muzium
di bawah pentadbiran JMM



04 pameran sementara



78 kursus anjuran JMM



181 program pendidikan
dan pengembangan muzium



202 pelajar dan orang perseorangan
menjalankan penyelidikan muzium



219 perolehan koleksi



14 penerbitan JMM

PETA LOKASI MUZIUM-MUZIUM DI BAWAH JABATAN MUZIUM MALAYSIA




SABAH

- Muzium Labuan
- Muzium Marin Labuan
- Muzium Chimney

WP Labuan

Sabah

Sarawak





PENA EMAS

Bismillahirrahmannirrahim

Selawat dan salam ke atas junjungan Besar NAbi Muhammad SAW
Semoga kita sentiasa dirahmati dan diberkati Allah SWT

Bertemu lagi dalam keluaran Laporan Tahunan Jabatan Muzium Malaysia (JMM) Tahun 2014. Saya mendahului tinta ini dengan ucapan tahniah kepada JMM kerana berjaya menerbitkan buku laporan ini dan saya pasti banyak input berguna telah dikongsi dalam keluaran khas ini.

Muzium merupakan institusi yang bertanggungjawab menyediakan maklumat mengenai tamadun negara pada zaman silam hingga kini untuk tatapan masyarakat. Muzium berkembang seiring dengan perkembangan budaya, politik dan ekonomi semasa. Dengan kata lain, banyak khazanah yang tersimpan di muzium boleh dijadikan bukti tamadun bangsa dan negara. Dalam konteks pelancongan, muzium turut menyumbang kepada kemajuan industri pelancongan negara dan diletakkan di bawah kategori pelancongan warisan (Heritage Tourism). Muzium dijadikan destinasi dalam setiap agenda lawatan pelancong, terutama pelancong luar negara.

Sebagai peneraju bidang permuziuman, Jabatan Muzium Malaysia sentiasa dilihat sebagai pemacu dalam usaha untuk memastikan masyarakat celik sejarah melalui penganjuran program-program berbentuk pendidikan dan pengembangan muzium. Program seumpama ini dapat menyebarkan pengetahuan bukan sahaja kepada masyarakat tempatan malah pengunjung luar Negara, justeru menaikkan imej negara kita.

Saya berharap Laporan Tahunan 2014 ini akan menjadi suatu rujukan berguna serta dimanfaatkan dengan sebaiknya bukan sahaja oleh warga JMM, malah dijadikan panduan kepada semua yang berminat untuk mengetahui fungsi dan tugas JMM sebagai penjaga koleksi-koleksi bersejarah dan bernilai Negara.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Tan Sri Abdul Aziz

Menteri Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia



TINTA MUTIARA

Salam Sejahtera dan Salam 1 MOTAC

Bertemu lagi di keluaran Laporan Tahunan Jabatan Muzium Malaysia (JMM) Tahun 2014. Saya mendahului tinta ini dengan ucapan tahniah kepada JMM kerana berjaya menerbitkan buku laporan ini. Saya pasti banyak input-input berguna yang boleh dikongsi dalam penerbitan laporan kali ini. Maklumat-maklumat dalam Laporan Tahunan Jabatan Muzium Malaysia 2014 diharapkan dapat membantu dalam merangka perancangan strategik akan datang bagi menjamin mutu perkhidmatan yang lebih baik.

Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan kepada warga JMM yang telah berusaha gigih meningkatkan imej JMM melalui kejayaan menganjurkan pelbagai program dan aktiviti sepanjang 2014. Sebagai peneraju bidang permuziuman, JMM sentiasa dilihat sebagai pemacu dalam usaha untuk memastikan masyarakat celik sejarah melalui penganjuran program-program berbentuk pendidikan dan pengembangan muzium. Program umpama ini dapat menyebarkan pengetahuan bukan sahaja kepada masyarakat tempatan dan juga pengunjung luar negara yang berminat untuk mendalami sejarah negara.

Usaha sebegini amat wajar diperluas dan diperkukuhkan. Saya berharap warga JMM akan terus memberi komitmen padu dan memberi keutamaan kepada pencapaian cemerlang menerusi semangat kerjasama dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan. Di samping itu, warga JMM juga perlu mengekalkan nilai-nilai murni dalam perkhidmatan awam iaitu integriti, kebolehan, kesetiaan, taatsetia, berdisiplin, tekun dan bertanggungjawab bagi membantu Jabatan Muzium Malaysia khususnya dan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia amnya bagi mendukung Program Tranformasi Kerajaan. Teruskan kejayaan ini dan Selamat Maju Jaya.

Sekian.

Datuk Dr. Ong Hong Peng

Ketua Setiausaha
Kementerian Pelancongan
dan Kebudayaan Malaysia



SETITIP KATA

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera.

Pertama sekali tahniah diucapkan kepada sidang redaksi kerana berjaya menerbitkan Buku Laporan Tahunan Jabatan Muzium Malaysia (JMM) bagi tahun 2014. Kejayaan penerbitan buku berkualiti dari segi kandungan dan rekabentuk ini amat dihargai. Banyak pencapaian yang dikecapi oleh JMM sepanjang tahun 2014.

JMM juga sentiasa menambah baik program-program yang dianjurkan dengan mengambil kira penglibatan muzium bersama komuniti. Ia bersesuaian dengan fungsi muzium sebagai medium penyebaran ilmu pengetahuan tentang sejarah, budaya dan alam semula jadi kepada masyarakat umum melalui penyelidikan, pengumpulan koleksi, pemuliharaan koleksi, pameran dan aktiviti pendidikan tidak formal. Menyedari kepentingan muzium kepada masyarakat dan negara, maka JMM sentiasa mempergiatkan program permuziuman di peringkat domestik dan antarabangsa dari semasa ke semasa agar selaras dengan bidang tugas utama muzium dalam memperkasakan budaya dan tamadun negara.

JMM yang merupakan peneraju utama institusi permuziuman di Malaysia telah memanfaatkan tahun 2014 melalui aktiviti-aktiviti yang memberi kesan positif kepada warga muzium, muzium-muzium negeri dan swasta serta negara amnya. Pencapaian paling utama JMM tahun 2014, antaranya termasuklah pengambilalihan Istana Negara Lama sebagai Muzium Diraja, menandatangani MOU dengan Vietnam National Museum of History, penganjuran Sambutan 50 Tahun Muzium Negara, penganjuran acara gilang-gemilang sempena Hari Muzium Antarabangsa dan penganugerahan "Green Ambassador Awards" untuk Chimney di Muzium Chimney, Labuan oleh The Green Organisation, United Kingdom. Semua pencapaian ini menjadi penanda aras kepada JMM untuk terus memperkembangkan peranan dan fungsinya agar dapat menjadi institusi berprestij di Malaysia.

Dato' Ibrahim bin Ismail

Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia

Profil Korporat

Pengurusan Tertinggi Jabatan Muzium Malaysia ●

**Visi, Misi, Objektif, Fungsi
dan Perkhidmatan Teras** ●

**Carta Organisasi
Jabatan Muzium Malaysia** ●

**Sejarah Jabatan Muzium Malaysia:
Satu Perjalanan** ●





PENGURUSAN TERTINGGI

Jabatan Muzium Malaysia 2014



Ketua Pengarah:
Dato' Ibrahim bin Ismail



**Timb Ketua Pengarah
(Permuziuman):**
Encik Wan Jamaluddin Bin Wan Yusoff



Timb Ketua Pengarah (Dasar):
Encik Kamarul Baharin Bin A. Kassim



**Pengarah
Muzium Negara :**
Encik Mohd Azmi Bin
Mohd Yusof



**Pengarah
Bahagian Dasar
Dan Pembangunan :**
Encik Mohamad Shawali
Bin Badi



**Pengarah
Bahagian Pameran Dan
Pengembangan :**
Encik Azmi Bin Ismail



**Pengarah Bahagian
Pengurusan Koleksi :**
Encik Mohd Razaimi Bin
Hamat



**Pengarah Bahagian
Penyelidikan Dan
Dokumentasi:**
Encik Zainal bin Ariffin



**Pengarah Muzium
Etnologi Dunia Melayu:**
Encik Samsol Bin Sahar



**Pengarah Bahagian
Pengurusan Koleksi :**
Encik Zamrul Amri Bin
Zakaria



Pengarah Muzium Tekstil :
Encik Ruslee Bin Ariffin



**Ketua Penolong Pengarah
Unit Pembangunan Dan
Pengurusan Harta :**
Encik Esa Bin Haron



**Ketua Penolong Pengarah
Galeri Perdana :**
Encik Mat Nasir Bin
Baba



**Ketua Penolong Pengarah
Unit Teknologi Maklumat:**
Puan Asmah Binti Mohd
Wazir



**Pengarah Muzium
Alam Semula Jadi :**
Puan Farizawati
Binti Sabri



**Ketua Penolong Pengarah
Unit Dasar Dan
Perancangan Strategik :**
Puan Eyo Leng Yan



**Pengarah Bahagian
Khidmat Pengurusan :**
En. Mohamed Fauzi Bin
Mohamed Salleh



**Ketua Penolong Pengarah
Galeria Perdana:**
Cik Darniza Binti Daud



**Ketua Bahagian
Komunikasi Korporat:**
Puan Zuriana Binti
Zanziba



Pengarah Muzium Perak :
Puan Norhanisah Binti
Ahmad

VISI

Menjadi institusi permuziuman unggul di Asia

MISI

1. Mengumpul dan memulihara koleksi artifak yang signifikan.
2. Menghasil dan mendokumentasikan penyelidikan koleksi artifak.
3. Mengadakan pameran-pameran menarik secara berterusan.
4. Menjadi destinasi utama pelancong.

Objektif

1. Menjalankan kerja-kerja pengumpulan, pemuliharaan dan pengkalan sejarah, budaya dan alam semula jadi negara.
2. Menyebarkan ilmu pengetahuan melalui aktiviti pameran, program-program pendidikan dan pengembangan muzium.


Fungsi

1. Menyelidik, mengumpul, memelihara warisan sejarah, kebudayaan dan alam semula jadi negara.
2. Mengurus muzium-muzium di bawah pentadbiran persekutuan dan memberi khidmat kepakaran dan nasihat kepada muzium-muzium negeri, jabatan kerajaan dan swasta.
3. Mendokumentasikan koleksi jabatan dan menerbitkan hasil penyelidikan.
4. Memberikan khidmat pengembangan ilmu pengetahuan melalui pameran, ceramah, bengkel, seminar, forum dan persidangan dan lawatan berpandu ke balai-balai pameran.

Perkhidmatan Teras

1. Pengurusan Koleksi.
2. Penyelidikan.
3. Penyebaran ilmu Pengetahuan melalui: Pameran (pameran tetap, pameran sementara dan pameran bergerak), Ceramah, Bengkel, Seminar, Forum dan Persidangan serta Lawatan berpandu ke galeri.

CARTA ORGANISASI JABATAN MUZIUM MALAYSIA



**TIMBALAN KETUA
PENGARAH (PEMUZIUMAN) JUSA C**

**BAHAGIAN
PENYELIDIKAN DAN
DOKUMENTASI
(S52)**

- Unit Penyelidikan (S44)
- Unit Penerbitan Dan Dokumentasi (S44)
- Unit Perpustakaan (S41)

**BAHAGIAN
PAMERAN DAN
PENGEMBANGAN
(S52)**

- Unit Perkhidmatan Muzium (S44)
- Unit Pendidikan Muzium (S44)
- Unit Sumber Media (S44)

**MUZIUM PERAK
(S48)**

**MUZIUM ADAT
(S44)**

**MUZIUM KOTA
KAYANG
(S41)**

**MUZIUM MUZIK
(S41)**

**MUZIUM KOTA
KUALA KEDAH
(S27)**

**MUZIUM KOTA
JOHOR LAMA
(S27)**

**MUZIUM
TEKSTIL NEGARA
(S48)**

**MUZIUM DIRAJA
(S44)**

**MUZIUM
SENI BINA MALAYSIA
(S41)**

**MUZIUM
SENI KRAF ORANG
ASLI
(S27)**

**MUZIUM
MATANG
(S27)**

**MUZIUM
AUTOMOBIL
NASIONAL
(S27)**

**GALERIA
PERDANA
(S48)**

**MUZIUM
ARKEOLOGI LEMBAH
BUJANG
(S41)**

**MUZIUM
LABUAN
(S41)**

**MUZIUM
SUNGAI LEMBING
(S32)**

**MUZIUM LUKUT
(S27)**

**PUSAT
INFORMASI
CHIMNEY
(S27)**

**MUZIUM MARIN
(S27)**

SEJARAH JABATAN MUZIUM MALAYSIA : SATU PERJALANAN

Penubuhan awal muzium di Tanah Melayu bermula pada tahun 1883 apabila pemerintah British membuka Muzium Perak yang kemudiannya diikuti penubuhan Muzium Selangor pada 1904. Pada tahun 1953, Muzium Negara Sementara pula ditubuhkan sehinggalah pada tahun 1963 apabila dirasmikan Muzium Negara yang kekal hingga hari ini menjadi nadi dan mercu kepada usaha memartabatkan sejarah warisan negara. Rentetan peristiwa penubuhan muzium-muzium ini berkait rapat dengan penubuhan sebuah Jabatan yang menjadi nadi kepada pembangunan dan kemajuan muzium di Malaysia.

Jabatan Muzium telah ditubuhkan dan mula beroperasi di Muzium Selangor pada tahun 1904 adalah bertanggungjawab mengawasi pentadbiran Muzium Perak dan Muzium Selangor. Pada tahun yang sama, kedua-dua muzium ini disatukan menjadi Muzium Negeri-negeri Melayu Bersekutu dan diletakkan di bawah pentadbiran Jabatan Muzium. J.L. Wray telah menjawat jawatan Pengarah pertama Jabatan Muzium sehingga 1908, kemudian digantikan oleh H.C. Robinson sehingga tahun 1926 dan C. Boden Kloss sehingga tahun 1931.

Pada 1 Januari 1932, Muzium Negeri-Negeri Melayu Bersekutu telah dibubarkan, dengan itu Jabatan Muzium turut dibubarkan dan kedua-dua buah muzium itu dipisahkan semula dan wujud sebagai dua buah muzium yang berasingan. Pemisahan dilakukan selaras dengan pelaksanaan dasar disentralisasi yang dijalankan oleh pemerintahan British di Tanah Melayu pada tahun tersebut. Usaha mewujudkan semula Muzium Negeri-negeri Melayu Bersekutu dan Jabatan Muzium oleh pegawai Inggeris, Kapten H.M. Pendlebury yang ketika itu menjawat jawatan Kurator Muzium Selangor mendapat perhatian pemerintah British dan kedua-dua entiti tersebut diwujudkan semula bermula tahun 1938. Kapten H.M. Pendlebury telah dilantik menjadi Pengarah Jabatan Muzium sehingga tahun 1941 apabila tentera

Jepun mengambilalih pemerintahan Tanah Melayu. Tentera-tentera Jepun ditempatkan di Muzium Selangor bagi menjaga muzium tersebut dan seterusnya, Muzium Selangor ditutup kepada orang awam untuk lawatan.

Walaupun Muzium Selangor ditutup kepada orang awam, tetapi kerja-kerja mengumpul dan menambah koleksi muzium diteruskan apabila Pegawai Pemerintah Tentera Jepun memanggil semula seorang bekas pekerja muzium iaitu Encik Bachik Mohd Tahir untuk menjaga muzium. Kemudian beliau memanggil semula pekerja Muzium Selangor yang telah berhenti akibat pendudukan Jepun di Tanah Melayu. Pada bulan Jun 1943, empat orang pegawai Jepun dilantik untuk bertugas di Jabatan Muzium yang beribu pejabat di Muzium Selangor. Jabatan Muzium yang baru dalam masa pemerintahan Jepun diketuai oleh Dr. Iwao Hino sebagai Pengarah sehingga 2 Mac 1945 apabila Dr. Takahashi dilantik bagi menggantikannya sebagai Pengarah Jabatan Muzium. Tempoh pentadbirannya adalah singkat apabila 10 Mac 1945, Muzium Selangor menjadi mangsa pengeboman tentera udara Amerika Syarikat menyebabkan kesemua koleksi bahan pameran di bahagian kanan muzium mengalami kemusnahan. Koleksi muzium yang terselamat ditempatkan sementara di bilik darjah di Sekolah Convent Bukit Nenas, Kuala Lumpur sehingga akhir tahun 1945.

Pada tahun 1946, Pemangku Pengarah Muzium Negeri-negeri Melayu Bersekutu telah dilantik sebaik sahaja Jepun menyerahkan pentadbiran Muzium Selangor kepada pemerintah British. Dari tahun 1946 hingga 1948, empat orang Pemangku Pengarah Jabatan Muzium yang juga menjadi Pemangku Pengarah Muzium Negeri-negeri Melayu Bersekutu telah dilantik dan salah seorangnya adalah M.W.F. Tweedie, bekas Pengarah Muzium Raffles, Singapura yang berkhidmat sehingga tahun 1947 dan kemudiannya digantikan dengan H.T. Padgen. Cadangan supaya membina sebuah muzium baru telah dikemukakan oleh H.T. Padgen kepada pihak

pemerintah British di Tanah Melayu bagi menggantikan Muzium Selangor sehinggalah akhirnya Muzium Negara Sementara dibina dan dibuka dengan rasminya pada 11 Februari 1953 oleh Pesuruhjaya Tinggi British, Sir Gerald Templer. Pengarah Jabatan Muzium di Muzium Negara Sementara ini adalah G.de G.Sieveking dan ia di bawah pentadbiran Kementerian Pelajaran.

Pada tahun 1957, Jabatan Muzium diletakkan di bawah Bahagian Kebudayaan dalam Kementerian Kebajikan Masyarakat. Kemudian, Jabatan Muzium diletakkan dalam portfolio Jabatan Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu mulai tahun 1958 hingga 1970. Muzium Negara Sementara telah beroperasi selama lima tahun. Pada tahun 1958, bangunan muzium

ini dirobohkan bagi melancarkan projek pembinaan bangunan tetap Muzium Negara.

Pengubalan Dasar Kebudayaan pada tahun 1971 menyaksikan Bahagian Kebudayaan yang sebelumnya di bawah naungan Kementerian Penerangan sejak tahun 1964 diletakkan di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan yang turut merangkumi Jabatan Muzium sebagai salah sebuah agensinya. Di samping aktiviti permuziuman, Jabatan Muzium memainkan peranan penting menguruskan hal-hal berkaitan ekskavasi arkeologi, pemeliharaan, pemuliharaan, penyelenggaraan dan pewartaan monumen bersejarah dan tapak-tapak ekskavasi, mengawal peniaga antik serta eksport benda purba di bawah Akta Benda Purba





1976. Manakala pada tahun 1978, Jabatan Muzium telah dipindahkan sementara ke Kementerian Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar.

Pada 20 Mei 1987, Jabatan Muzium berpindah ke Kementerian sekali lagi apabila komponen kebudayaan dipisahkan daripada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan ia diletakkan di bawah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan. Ia diikuti penubuhan Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan pada 22 Oktober 1992, seterusnya pada tahun yang sama distruktur kembali dan diberi nama baru kepada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia sehingga tahun 2004. Jabatan Muzium berpindah ke Kementerian berkenaan bersama Jabatan Arkib Negara dan Perpustakaan Negara. Perubahan ini menuntut Jabatan Muzium dan agensi-agensinya di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan memberikan penekanan setimpal terhadap usaha menggalakkan industri pelancongan di negara ini.

Jabatan Muzium kemudiannya dikenali sebagai Jabatan Muzium dan Antikuiti mulai 11 Mac 1993 setelah melalui penyusunan semula struktur organisasi. Jabatan sebagai salah satu agensi Kerajaan yang dipertanggungjawabkan adalah berperanan besar untuk memelihara warisan sejarah dan kebudayaan negara. Di samping itu, Jabatan menjadi agensi penting di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan dalam membangunkan produk pelancongan melalui penubuhan muzium-muzium, pemeliharaan tapak-tapak



bersejarah, warisan budaya serta alam semula jadi negara.

Penyusunan semula Kabinet pada 27 Mac 2004 menyaksikan Jabatan Muzium dan Antikuiti diletakkan di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan. Peranan muzium dalam pembangunan negara bergerak rancak melalui penubuhan lebih banyak lagi muzium sebagai produk pelancongan yang utama seiring dengan keperluan memelihara warisan khazanah negara. Pada 1 Mac 2006, Jabatan Muzium dan Antikuiti bertukar nama kepada Jabatan Muzium Malaysia dengan pengkhususan lebih kepada pengurusan muzium dan koleksi artifak muzium.

Pada 18 Mac 2008, berikutan penyusunan Kabinet, Jabatan Muzium Malaysia dipindahkan ke Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan. Jabatan Muzium Malaysia kemudiannya diletakkan di bawah Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan apabila Kabinet dirombak sekali lagi pada 9 April 2009. Jabatan Muzium Malaysia sebagai sebuah agensi kerajaan Persekutuan yang berperanan mentadbir dan membangunkan 21 buah muzium persekutuan di samping memelihara dan menyebarkan ilmu pengetahuan mengenai warisan sejarah, budaya serta alam semula jadi negara melalui aktiviti pameran, penyelidikan, penerbitan, program pendidikan serta pengembangan muzium terus diperkasakan.

TAHUN	PERISTIWA
1904	<ul style="list-style-type: none"> i. Jabatan Muzium ditubuhkan dan beroperasi di Muzium Selangor yang bertanggungjawab mentadbir Muzium Perak dan Muzium Selangor. ii. Muzium Perak dan Muzium Selangor kemudiannya disatukan menjadi Muzium Negeri-negeri Melayu Bersekutu (MNNMB) di bawah pentadbiran Jabatan Muzium
1932	<ul style="list-style-type: none"> i. 1 Januari 1932, MNNMB telah dibubar dan dan begitu juga Jabatan Muzium. ii. Kedua-dua muzium dipisahkan dan wujud sebagai dua muzium yang berasingan.
1938	Jabatan Muzium dan MNNMB diwujudkan semula. Muzium Perak dan Muzium Selangor disatukan kembali di bawah pentadbiran Jabatan Muzium.
1953	Muzium Negara Sementara dirasmikan 11 Februari 1953 di bawah tanggungjawab Jabatan Muzium manakala Jabatan Muzium diletakkan di bawah Kementerian Pelajaran.
1957	Jabatan Muzium diletakkan di bawah, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS). Asalnya KKBS di bawah Bahagian Kebudayaan di dalam Kementerian Kebajikan Masyarakat.
1958	Jabatan Muzium diletakkan di dalam portfolio Jabatan Perdana Menteri.
1972	Penggubalan Dasar Kebudayaan 1971, Bahagian Kebudayaan yang merangkumi Jabatan Muzium diletakkan di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.
1978	Jabatan Muzium dipindahkan seketika ke Kementerian Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar Pada 20 Mei 1978, Jabatan Muzium diletakkan di bawah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan.
1987	20 Mei 1987, Jabatan Muzium dipindahkan ke Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan.
1992	<p>22 Oktober 1992 – struktur kementerian dikemaskini dan diberi nama baru kepada Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan.</p> <p>Tahun sama – ditukar nama kepada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia sehingga 2004.</p>
1993	Jabatan Muzium diberi nama baru kepada Jabatan Muzium dan Antikuiti mulai 11 Mac 1993.
2004	27 Mac 2004, kementerian telah diberi nama baru kepada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan.
2006	Jabatan Muzium dan Antikuiti diberi nama baru kepada Jabatan Muzium Malaysia mulai 27 Mac 2006.
2008	18 Mac 2008, kementerian telah diberi nama baru ke Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan dan Jabatan Muzium Malaysia di bawah tanggungjawabnya.
2009	9 April 2009, kementerian bertukar kepada Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan.

PENCAPAIAN 2014

**Program Pengurusan, Pembangunan
dan Sumber Maklumat** ●

Pengurusan Koleksi dan Konservasi ●

**Merakytakan Muzium Melalui Pameran dan
Pengembangan Penyelidikan dan Penerbitan** ●

Diari Korporat ●



PROGRAM PENGURUSAN, PEMBANGUNAN DAN SUMBER MAKLUMAT

PROFIL

Program Pengurusan, Pembangunan & Sumber Maklumat terletak di bawah portfolio Bahagian Pengurusan, Pembangunan dan Sumber Maklumat. Bahagian ini bertanggungjawab merancang, merangka, mengemaskini dasar/peraturan berkaitan urusan pentadbiran, kewangan, pembangunan sumber manusia, program latihan, projek pembangunan, pengurusan maklumat (ICT) dan HRMIS.

Bahagian Pengurusan dan Pentadbiran bertanggungjawab mengendalikan urusan berkaitan aktiviti pengurusan dan pembangunan sumber manusia merangkumi kajian pementapan organisasi (perjawatan), perancangan kerjaya dan latihan peperiksaan jabatan, hal-hal perkhidmatan pegawai dan kakitangan JMM. Unit ini juga bertanggungjawab dalam menguruskan aset serta pengurusan pelupusan aset jabatan. Unit Latihan pula dipertanggungjawabkan mengendalikan kursus-kursus serta latihan-latihan ikhtisas permuziuman untuk meningkatkan kompetensi pegawai dan kakitangan Jabatan Muzium Malaysia dengan mengendalikan jadual dan modul kursus.

Bahagian Pembangunan dan Pengurusan Harta bertanggungjawab merancang dan memantau segala projek pembangunan fizikal serta menjalankan kerja-kerja penyelidikan berkaitan dengan pembangunan dan pengembangan jabatan. Bahagian ini juga bertanggungjawab dalam merancang, mengenalpasti dan menguruskan perolehan tanah, bangunan dan peralatan serta penggunaan peruntukan pembangunan jabatan dengan cekap dan efisien. Selain itu, ia juga berperanan menguruskan keselamatan fizikal harta, bangunan dan aset.

Bahagian Sumber Maklumat pula bertanggungjawab menyelaraskan aspek pengurusan sumber maklumat yang terbahagi kepada dua iaitu Unit Sumber Media yang membangun, menyelenggara, menyelia serta mewujudkan sebuah koleksi maklumat berupa bahan-bahan fotografi dan AV di Jabatan. Unit Perpustakaan pula satu pusat pengurusan rujukan dan maklumat berupa bahan-bahan monograf dan jurnal yang akan melibatkan perolehan, pendokumentasian dan perkhidmatan rujukan dan perujukan maklumat.

Bahagian Teknologi Maklumat pula bertanggungjawab melaksanakan aktiviti yang berkaitan dengan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) bagi JMM berdasarkan polisi dan dasar yang telah dibangunkan. Aktiviti-aktiviti ini termasuklah pembangunan aplikasi baru berdasarkan Pelan Strategik Teknologi Maklumat dan keperluan pengguna, penyelenggaraan aplikasi dalaman JMM iaitu Helpdesk, Blog KP, laman web JMM, penyediaan infrastruktur ICT, khidmat sokongan ICT dan memastikan penggunaan aplikasi HRMIS berada di tahap optimum.

PENCAPAIAN AKTIVITI TAHUNAN

Sepanjang tahun 2014, Bahagian Pengurusan, Pembangunan dan Sumber Maklumat telah berjaya melaksanakan tugas dan aktiviti yang dipertanggungjawabkan selaras dengan keperluan terutamanya berkaitan dengan peningkatan sistem maklumat, sumber manusia, projek pembangunan dan pengurusan kewangan.

1. PEMANTAPAN MODAL INSAN

Jumlah keseluruhan perjawatan di JMM sehingga 31 Disember 2014 adalah 418. Manakala, jumlah pengisian sehingga tarikh tersebut adalah sebanyak 375. Memandangkan pengisian jawatan adalah sangat penting bagi melicinkan program dan aktiviti JMM, Unit Pengurusan Sumber Manusia sentiasa memastikan kekosongan tersebut dapat diisi dengan secepat mungkin.

PERJAWATAN YANG DIISI 2014	
Pengurusan Tertinggi	3
Kumpulan Pengurusan dan Profesional	56
Kumpulan Sokongan 1	239
Kumpulan Sokongan 2	77
Jumlah Perjawatan	375

1.1 Pengambilan Staf

Unit Pengurusan Sumber Manusia Jabatan Muzium Malaysia adalah bertanggungjawab dalam proses pengambilan pegawai/staf. Bagi tujuan tersebut, Unit Pengurusan Sumber Manusia telah mengambil tindakan mendaftar kekosongan jawatan melalui portal e-pengisian Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Jawatan yang telah didaftarkan melalui e-pengisian tersebut termasuklah penolong kurator, pembantu muzium, pemandu dan pembantu awam. Kekosongan bagi jawatan pereka, pembantu keselamatan, juru fotografi dan pembantu setiausaha pejabat telah dikemukakan melalui Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia.

1.1.1 Staf Kontrak dan Pekerja Sambilan Harian

Di samping mempunyai staf yang berkhidmat secara tetap, Jabatan Muzium Malaysia juga telah melantik individu yang mempunyai kepakaran dan bidang pengkhususan akademik yang didapati dapat menyumbang ke arah peningkatan kecemerlangan jabatan khususnya dan perkhidmatan awam amnya. Jabatan telah melantik mereka ini secara kontrak di bawah Skim Perkhidmatan Singkat (SPS) seramai 3 orang dan juga Pekerja Sambilan Harian (PSH) seramai 5 orang.

1.2 Kenaikan Pangkat dan Pemangkuan

Sepanjang tahun 2014 ini, urusan kenaikan pangkat dan pemangkuan telah berjaya dilaksanakan. Antara jawatan adalah:-

KENAIKAN PANGKAT 2014	
Time-Based Berasaskan Kecemerlangan (S27-S32)	14 orang
Time-Based Berasaskan Kecemerlangan (S17-S22)	40 orang
Jumlah	54 orang

PEMANGKUAN 2014	
Memangku S32-S38	2 orang
Memangku S22-S26	4 orang
Jumlah	6 orang

1.2 Persaraan

Seramai 7 orang pegawai dan staf Jabatan Muzium Malaysia yang telah bersara wajib ataupun bersara secara pilihan dengan kerajaan.

BIL	NAMA	TARIKH PERSARAAN	JAWATAN TERAKHIR
1	Zainal Aznam Bin Md Yusuf	24.2.2014	Penolong Kurator
2	Noordin Bin Nadzri	19.8.2014	Pembantu Am Pejabat
3	Hasan Bin Haron	28.8.2014	Ahli Fotografi
4	Baharom Bin Ahmad	2.10.2014	Penolong Kurator
5	Abd Kudus Bin Ahmad	10.10.2014	Pembantu Keselamatan
6	Mohd Yunus Bin Hashim	27.10.2014	Pembantu Am Pejabat
7	Othman Bin Ibrahim	26.11.2014	Tukang K3

1.3 Anugerah Perkhidmatan Cemerlang

Pada tahun 2014, seramai 29 pegawai dan staf telah diberikan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC).

BIL	NAMA	JAWATAN	GRED	PENEMPATAN
1	Eyo Leng Yan	Kurator	S48	Unit Dasar & Perancangan Strategik
2	Sitti Rabia bt Abdul Rahman	Kurator	S41	Muzium Labuan
3	Noraini binti Basri	Kurator	S41	Bahagian Penyelidikan & Dokumentasi
4	Suhaimi bin Basiron	Kurator	S41	Bahagian Pengurusan Koleksi
5	Nurul Izza binti Abdul Aziz	Akauntan	W41	Unit Kewangan
6	Abdul Razak bin Kasim	Pen. Kurator	S32 (KUP)	Unit Pembangunan & Pengurusan Harta
7	Zairul Hida binti Hamdan	Pen. Kurator	S27	Muzium Matang

BIL	NAMA	JAWATAN	GRED	PENEMPATAN
8	Siti Hawa binti Ariffadzillah	Pen. Kurator	S27	Muzium Negara
9	Norhidayah binti Ramely	Pen. Kurator	S27	Unit Dasar & Perancangan Strategik
10	Amutha a/p Muniandy	Pen. Pustakawan	S27	Unit Perpustakaan
11	Nur Selviyanti binti Jamril	Pen. Akauntan	W27	Unit Kewangan
12	Ahmad Subri bin Hj Hassan	Pembantu Muzium	S22	Muzium Arkeologi Lembah Bujang
13	Zulkple bin Haris	Juruaudio Visual	N22	Unit Pembangunan & Pengurusan Harta
14	Khodijah binti Mohd Hijazi	Pem. S/U Pejabat	N22	Pej. Timb. Ketua Pengarah (Dasar)
15	Mohamad Ruzi bin Sulaiman	Pembantu Muzium	S22 (KUP)	Bahagian Pengurusan Koleksi
16	Nur Fadzlina binti Isa	Pembantu Muzium	S22 (KUP)	Muzium Etnologi Dunia Melayu
17	Rokiah binti Ahmad	Pembantu Muzium	S22 (KUP)	Unit Kewangan
18	Asmarina binti Jamaludin	Pembantu Muzium	S22 (KUP)	Muzium Perak
19	Zariman bin Abdul Razak	Pembantu Muzium	S22 (KUP)	Bhgn. Pameran & Pengembangan
20	Mohd Nor Azizi bin Haji Mahput	Pembantu Muzium	S17	Muzium Seni Kraf Orang Asli
21	Khairul Azlan bin Ishak	Pembantu Muzium	S17	Galeria Perdana
22	Nur Liyana bt Mohd Tahir	Pembantu Muzium	S17	Bahagian Pengurusan Konservasi
23	Wahidayu binti A. Wahab	Pembantu Muzium	S17	Muzium Sungai Lembing
24	Khuzaimah binti Kiyar	Pem. Tadbir (P/O)	N17	Unit Pentadbiran
25	Irezah binti Abraham @ Ebrahim	Pem. Tadbir (P/O)	N17	Unit Pengurusan Sumber Manusia
26	Yahya bin Che Mai	Pembantu Operasi	N11	Muzium Perak
27	Mohd Yusof bin Sapiee	Pembantu Operasi	N11	Muzium Muzik
28	Jiffri bin Musuli	Pembantu Awam	H11	Muzium Marin Labuan
29	Hafizie Izwan bin Hassim	Pembantu Operasi	N11	Unit Kewangan

2. PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Sepanjang tahun 2014, JMM telah mengadakan 78 kursus jangka pendek dalam bidang permuziuman (konservasi, koleksi, pameran, penyelidikan, penerbitan, pemasaran dan pendidikan) dan generik (teknologi maklumat, forum kurator, kewangan, keselamatan, motivasi dan keagamaan). Latihan ini terbuka kepada warga JMM, warga muzium lain seluruh Malaysia dan orang luar. Di samping itu, staf JMM juga diberikan peluang untuk mengikuti kursus/latihan/seminar anjuran pihak/Jabatan luar bagi meningkatkan kompetensi setiap staf. Sepanjang tahun 2014, sebanyak 270 kursus/latihan/seminar anjuran pihak/Jabatan luar telah disertai oleh kakitangan JMM dari pelbagai jawatan. Secara keseluruhannya, setiap staf JMM mencapai sasaran berkursus 7 hari dalam setahun. Pembangunan sumber manusia ini amat penting dalam memantapkan kemahiran dan sistem perkhidmatan setiap staf.

2.1 Bilangan pegawai yang menghadiri kursus

BIL	Gred	Jumlah Pegawai/ Anggota	Kursus Pendek							
			Bilangan anggota yang hadir berkursus (>7 hari setahun)	Jumlah Kehadiran (%)	Bilangan anggota yang hadir berkursus (<7 hari setahun)	Jumlah Kehadiran (%)	Bilangan anggota yang tidak berkursus	Jumlah Tidak Hadir (%)	Bilangan anggota yang hadir berkursus (>3 bulan)	Jumlah Kehadiran (%)
1	JUSA	3	3	100.00%	0	0.00%	0	0.00%	0	0.00%
2	Pengurusan dan Profesional	56	55	98.21%	1	1.79%	0	0.00%	0	0.00%
3	Sokongan I	232	226	97.41%	6	2.59%	0	0.00%	0	0.00%
4	Sokongan II	78	71	91.03%	7	8.97%	0	0.00%	0	0.00%
	JUMLAH	369	355	96.21%	14	3.79%	0	0.00%	0	0.00%

2.2 Latihan/Seminar/Persidangan Luar Negara

Pada Tahun 2014, JMM telah menghadiri 20 latihan/seminar/persidangan di luar negara yang telah dihadiri oleh staf JMM seperti di **Jadual 2**.

Bil.	Program/Acara	Tempat	Tarikh	Jumlah Peserta
1	International Museum Conference: Museum Of Our Own And 2 ND SEAMEO SPAFA Museums Forum On Southeast Asian Museums And The Challenges Of The ASEAN Socio-Cultural Community (ASCC)	Yogyakarta, Indonesia	17/11/2014-22/11/2014	2
2	Program Penempatan Pembangunan Modal Insan Dibawah Kerjasama Pintar JMM Dengan National Museum Of Korea Seoul, Korea	Seoul, Korea	11/11/2014-15/12/2014	2
3	Workshop For Buddhist Art In Southeast Asia	Bangkok, Thailand	11/11/2014-16/11/2014	2
4	SEAMEO Congress "Southeast Asia In Transition: Re-Thinking Education Science And Culture For Regional Integration"	Bangkok, Thailand	20/10/2014-23/10/2014	2
5	Regional Meeting On Cultural Understanding – Everyday Objects From Southeast Asia And Korea	Seoul, Korea	22/09/2014-26/09/2014	1
6	Mesyuarat 29 TH SEAMEO SPAFA Governing Board Meeting	Siem Reap, Cambodia	31/08/2014-03/09/2014	2
7	Menghadiri Perbincangan Lanjut Dengan Pihak Art Exhibition China Untuk Pameran "Treasures From The Summer Palace"	Beijing Dan Hengyang, China	27/08/2014-31/08/2014	2
8	IFLA World Library And Informations Congress 80 TH IFLA GEBERAL Conference And Assembly	Lyon Convention Centre, Lyon, France	16/08/2014-24/08/2014	1

Bil.	Program/Acara	Tempat	Tarikh	Jumlah Peserta
9	Persidangan "Chinese Export Ware Found In Thailand During The Past Three Decades" Woburi Ayothaya	Ayutthaya, Thailand	31/07/2014-03/08/2014	1
10	Program Penempata Pembangunan Profesional Di National Palace Museum, Taipei, Taiwan	National Palace Museum, Taipei, Taiwan	08/06/2014-21/06/2014	2
11	COLLASIA 2014 International Course "Conservation Of Metals In Southeast Asian Collections"	Phnom Penh, Cambodia	01/06/2014-15/06/2014	1
12	Mesyuarat Tahunan International Council Of Museums (ICOM) Di Paris Dan Mengadakan Lawatan Serta Perbincangan Untuk Jalinan Kerjasama Permuzium Dengan Pihak-Pihak Muzium Terpilih Di Paris, Perancis Dan Brussels, Belgium	Paris, Perancis & Brussels, Belgium	31/05/2014-09/06/201	1

Jadual 2: Senarai latihan/seminar/persidangan di luar negara JMM 2014



3. JARINGAN KERJASAMA JABATAN MUZIUM MALAYSIA DENGAN AGENSI LUAR

Dalam usaha mengukuhkan hubungan dan memantapkan kedudukan JMM di peringkat antarabangsa, para pegawai dan staf JMM telah menghadiri beberapa persidangan, mesyuarat, seminar, lawatan kerja serta program pameran di luar negara. Pada tahun 2014, sebanyak 13 jaringan kerjasama dengan agensi luar telah dilaksanakan. (Sila lihat Jadual 3)

BIL.	AGENSI	BENTUK KERJASAMA
1	Vietnam National Museum of History	Jalinan kerjasama dalam bidang permuziuman – Pinjaman Artifak Dongson dan menandatangani Memorandum Persefahaman
2	National Museum of Korea	Program kerjasama pintar dalam bidang permuziuman – penempatan dalam bidang pameran
3	SEAMEO-SPAFA	Persidangan/ Mesyuarat Lembaga
4	International Institute of Malay-Mouri-Polynesia Heritage and Development, New Zealand	Mengukuhkan hubungan antarabangsa melalui pertukaran idea dan maklumat permuziuman
5	Metropolitan Museum Of Art, New York	Seminar & Jaringan Kerjasama dalam bidang permuziuman dan budaya
6	Smithsonian Institution Museum	Jalinan kerjasama dalam bidang permuziuman – Pinjaman koleksi JMM berstatus Objek Kebangsaan
7	Makassar, Sulawesi Selatan, Indonesia	Jalinan kerjasama dalam bidang permuziuman
8	Palace Museum Beijing, China	Jalinan kerjasama dalam bidang permuziuman- Pameran Evolusi Senjata & Kemanusiaan Sedunia
9	International Council of Museum (ICOM)	Bengkel & perkongsian kepakaran dalam bidang permuziuman
10	Museum Paris, Perancis dan Brussels, Belgium	Persidangan & perkongsian kepakaran dalam bidang permuziuman
11	International Centre for the Study of the Preservation and Restoration of Cultural Property (ICCROM)	Penyelidikan dan perbincangan program kerjasama

BIL.	AGENSI	BENTUK KERJASAMA
12	Palace Museum Taipei, Taiwan	Kursus dan pendedahan mengenai konservasi bahan logam
13	Art Exhibition China	Program penempatan pembangunan professional dalam bidang pengurusan koleksi, pameran dan pemasaran muzium
14	SEAMEO-APCEIU	Kerjasama dalam bidang pameran iaitu Pameran "Treasures From The Summer Palace, Beijing, China" di Muzium Negara

Jadual 3: Jaringan Kerjasama antara Jabatan Muzium Malaysia dan Agensi Luar Negara 2014

4. PROGRAM PEMBANGUNAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

Pada tahun 2014, Bahagian Teknologi Maklumat telah menjalankan beberapa projek ICT mengikut klasifikasi iaitu: melaksanakan perolehan perkakasan dan perisian; mengurus keselamatan teknologi maklumat; menguruskan rangkaian; mengurus perkhidmatan internet dan emel; menyokong keperluan perkakasan dan perisian, termasuk khidmat kepakaran dan runding cara; membangun dan menyelenggara sistem aplikasi dan menguruskan laman web.

Portal Rasmi Jabatan Muzium Malaysia telah menerima penarafan 5 Bintang di dalam Provider-Based Evaluation (PROBE) 2014.





*Sekitar Pemasangan Perkakasan Firewall di Bilik Server 1,
Aras 2 Ibu Pejabat JMM*



Sekitar Pemasangan Perkakasan Anti Spam

a) Unit Keselamatan Rangkaian, Teknikal dan Operasi **PENGUKUHAN INFRASTRUKTUR DAN KESELAMATAN RANGKAIAN ICT**

Pemantapan infrastruktur dan keselamatan rangkaian ICT JMM terdiri dari pengukuhan infrastruktur ICT dan pemantapan keselamatan maklumat bagi meningkatkan keupayaan infrastruktur dan keselamatan ICT. Ia merangkumi pembangunan, perluasan, peningkatan, menaiktaraf sistem rangkaian, penyelenggaraan perkakasan dan perisian serta pematuhan polisi. Terdapat enam program yang dijalankan iaitu :

1. Menaiktaraf Sistem Firewall

Bagi memastikan kesinambungan perkhidmatan terjamin, Sistem Firewall yang dinaiktaraf dapat membantu untuk memantau rangkaian daripada ancaman pencerobohan.

Antara aktiviti yang terlibat adalah dengan membuat kajian latar belakang dan spesifikasi keperluan, seterusnya menyediakan laporan dan kertas cadangan untuk kelulusan pihak pengurusan. Setelah projek diluluskan, perolehan perkakasan, pemasangan dan konfigurasi dilaksanakan seperti yang dirancang. Projek ini telah disiapkan sepenuhnya pada Ogos 2014.

2. Menaiktaraf Sistem *Secure Email Gateway*

SPAM juga dikenali sebagai Junk Mail atau Unsolicited Bulk Email (UBE), adalah email yang tidak diinginkan oleh pengguna akaun e-mel. Biasanya dalam bentuk surat, Instant Messaging, Usenet, newsgroup, scam, blog, iklan dan sebagainya. SPAM mengganggu keselesaan para pengguna web/e-mel apabila diterima dalam jumlah yang banyak, sama atau hampir sama dan sentiasa berulang-ulang.

Terdapat beberapa kesan akibat emel yang dipenuhi dengan SPAM di antaranya adalah ruang *inbox* menjadi penuh, secara tak langsung menghalang kemasukan e-mel yang sah. Selain daripada itu, *hard disk* server menjadi cepat penuh, mengakibatkan *mail server* tidak dapat menerima email lainnya. *Virus*, *Worms* atau *Trojan* juga boleh menyusup melalui email SPAM yang boleh mengakibatkan kehilangan atau kebocoran maklumat seperti nombor Kad Kredit atau ID dan kata laluan sesuatu akaun. Akaun e-mel yang terdedah kepada *Virus*, *Worms* atau *Trojan* dari e-mel Spam juga mampu menduplikasikan SPAM-SPAM tersebut secara automatik dan menyebarkannya pula kepada senarai alamat e-mel yang ada di dalam *Address book* milik akaun e-mel yang dijangkiti.

Mengklik pada pautan yang ada dalam e-mel SPAM boleh membawa pengguna ke laman web *Phishing* atau laman web yang menyimpan *Malware*. SPAM merupakan satu medium untuk *fraudsters* menipu pengguna e-mel supaya memasukkan maklumat peribadi dalam laman web palsu melalui e-mel yang direka kelihatan seakan-akan ianya dihantar oleh pihak bank atau organisasi, contohnya Maybank2u, PayPal. Kaedah inilah yang dinamakan *phishing*. Oleh itu, *Secure Email Gateway* atau *AntiSpam* digunakan bagi mengawal atau menghalang emel yang kategorikan sebagai spam.

Antara aktiviti yang terlibat adalah dengan membuat kajian latar belakang dan spesifikasi keperluan, seterusnya menyediakan laporan dan kertas cadangan untuk kelulusan pihak pengurusan. Setelah projek diluluskan, perolehan perkakasan, pemasangan dan konfigurasi dilaksanakan seperti yang dirancang. Projek ini telah disiapkan sepenuhnya pada Oktober 2014.

3. Sistem *Internet Content Filtering* di Jabatan Muzium Malaysia

Internet Content Filtering digunakan untuk menapis kandungan laman web. Ia juga sebagai langkah keselamatan untuk mencegah akses daripada hos *malware* yang dikenali. Peraturan penapisan adalah selari dengan Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 1 Tahun 2003, Garis Panduan mengenai Tatacara Penggunaan Internet dan Mel Elektronik di Agensi-agensi Kerajaan.

Antara aktiviti yang terlibat adalah dengan membuat kajian latar belakang dan spesifikasi keperluan, seterusnya menyediakan laporan dan kertas cadangan untuk kelulusan pihak pengurusan. Setelah projek diluluskan, perolehan perkakasan, pemasangan dan konfigurasi dilaksanakan seperti yang dirancang. Projek ini telah disiapkan sepenuhnya pada Oktober 2014.

4. Menaiktaraf Perisian *Antivirus* dan Penyelenggaraan Pencegahan Komputer

Perisian *Antivirus* terkini telah digunakan di JMM. *Antivirus* yang digunakan adalah *Webroot*. Perisian ini dipasang sepenuhnya ketika projek penyelenggaraan pencegahan dilaksanakan di Jabatan Muzium Malaysia dan semua muzium dibawahnya. Projek ini telah siap dilaksanakan pada Jun 2014.

5. Menaiktaraf *Dynamic Host Configuration Protocol - Domain Name System (DHCP-DNS)* dan Pelaksanaan *IP Access Management* di JMM

Sistem Nama Domain (*Domain Name System*) atau *DNS* merupakan sistem yang menyimpan maklumat mengenai nama hos dan nama domain di internet. Manakala *DHCP Server* pula berfungsi untuk memberikan alamat *IP* kepada *DHCP Client* atau mana-mana peranti yang mempunyai capaian ke rangkaian seperti komputer *desktop*, komputer riba, *mobile device* dan sebagainya. Oleh itu, JMM telah menaiktaraf *DHCP-DNS* disamping melaksanakan *IP Access Management* bagi memudahkan pengurusan domain name dan alamat *IP* di JMM.

Antara aktiviti yang terlibat adalah dengan membuat kajian latar belakang dan spesifikasi keperluan, seterusnya menyediakan laporan dan kertas cadangan untuk kelulusan pihak pengurusan. Setelah projek diluluskan, perolehan perkakasan, pemasangan dan konfigurasi dilaksanakan seperti yang dirancang. Projek ini telah siap sepenuhnya pada Disember 2014.



Sekitar Pemasangan Perkakasan Content Filtering



Sekitar Proses Taklimat Sebutarga WIFI

6. Menaiktaraf Sistem Rangkaian Tanpa Wayar di Kompleks Jabatan Muzium Malaysia

JMM sebagai agensi yang menyalurkan maklumat dan pendidikan berkaitan sosio-budaya kepada masyarakat perlu ke hadapan dalam memperluaskan kaedah penyampaian maklumat kepada masyarakat. Selain daripada mengadakan pameran-pameran *in-reach* dan *out-reach*, akses internet kepada pengunjung dan penyelidik melalui rangkaian WiFi dilihat sebagai medium terbaik untuk penyampaian maklumat yang lebih efisien. Kemudahan WiFi ini adalah dalam bentuk akses awam terbuka serta terpisah daripada sistem rangkaian setempat (Local Area Network) JMM.

Lokasi yang terlibat bagi projek menaiktaraf rangkaian WiFi ini meliputi Aras 3 di Lobi Utama JMM, Bilik VIP Lobi JMM, Perpustakaan, Ruang Legar Pejabat Ketua Pengarah dan Bilik Mesyuarat Petala Indera. Manakala Aras 2 merangkumi lokasi Bilik Persidangan, Lobi Bilik Persidangan, Ruang Legar Pejabat Timbalan Ketua Pengarah dan Makmal ICT. Pusat Konservasi dan Auditorium di Aras 3 juga disediakan kemudahan ini.

Selain daripada itu, kawasan luar kompleks JMM dan Muzium Negara juga dilengkapi dengan kemudahan ini. Ini meliputi kawasan Pentas Terbuka sehingga kawasan Kaunter Tiket Muzium Negara. Kemudahan WiFi juga disediakan di kafetaria Muzium.

Muzium Negara dan Muzium Etnologi juga dilengkapi dengan kemudahan WiFi. Muzium Negara meliputi kawasan pejabat iaitu di Bilik Mesyuarat Cenderawasih, Bilik Discovery dan Ruang Pejabat Pengarah Muzium



Sekitar Proses Taklimat Kick – Off WIFI

Negara. Selain daripada itu, Lobi Utama Galeri Muzium Negara Aras 2, Galeri A, Galeri B, Galeri C dan Galeri D juga dilengkapi dengan kemudahan WiFi yang telah dipasang di kawasan-kawasan tertentu.

Antara aktiviti yang terlibat adalah dengan membuat kajian latar belakang dan spesifikasi keperluan, seterusnya menyediakan laporan dan kertas cadangan untuk kelulusan pihak pengurusan. Setelah projek diluluskan, perolehan perkakasan, pemasangan dan konfigurasi dilaksanakan seperti yang dirancang. Projek ini telah siap sepenuhnya pada Disember 2014.

b. Unit Laman Web Dan Multimedia

i) Naiktaraf Versi Drupal *Content Management System* (CMS) Dan Pengukuhan Keselamatan Laman Web JMM

Versi Drupal CMS Laman Web rasmi Jabatan Muzium Malaysia telah dinaiktaraf daripada versi 6 kepada versi 7 bermula 20 Februari 2014. Disamping itu, pengukuhan keselamatan turut dilaksanakan termasuk menambahbaik pangkalan data dan rekabentuk antaramuka baru. Penambahbaikan tersebut dilaksanakan selaras dengan kriteria baru penilaian MGPWA 2014.

ii) Penilaian Malaysia Government Portal and Websites Assesment 2014 (MGPWA)

Laman web rasmi Jabatan Muzium Malaysia akan dinilai oleh pihak MAMPU dan MDEC bagi pengiktirafan 5 bintang berdasarkan kriteria MGPWA 2014. Tujuan utama penilaian ini dibuat adalah untuk menggalakkan semua agensi kerajaan memperbaiki mutu laman web/portal masing-masing yang lebih interaktif dan infomatif serta menyediakan lebih banyak perkhidmatan online.

iii) Jumlah Pengunjung Laman Web JMM (www.jmm.gov.my)

Tahun	Pengunjung
2009	68,190
2010	133,211
2011	152,816
2012	160,611
2013	163,181
2014	166,619

iv) Jumlah Pengunjung Laman Web Muzium Negara (www.muziumnegara.gov.my)

Tahun	Pengunjung
2010	44,918
2011	53,251
2012	65,253
2013	85,355
2014	92,855
2014	166,619

v) Jumlah Pengunjung Laman Web Muzium Tekstil Negara (www.muziumtekstilnegara.gov.my)

Tahun	Pengunjung
2012	1,898
2013	6,123
2014	7,972

c. Unit Pembangunan Aplikasi

1. Perluasan Sistem Tiket

Penggunaan Sistem Tiket JMM telah diperluaskan ke Muzium Sungai Lembing yang mula beroperasi pada 1 April 2014. Kaunter Tiket Muzium Sungai Lembing telah dibekalkan sebanyak dua (2) set kelengkapan sistem tiket yang merangkumi pencetak tiket, pencetak resit, *workstation*, *cash drawer* dan *Uninterruptible Power Supply* (UPS).

2. Penggantian dan Naik Taraf Perkakasan Sistem Tiket di Muzium Negara

Bagi memastikan kelancaran operasi Sistem Tiket di Muzium Negara, perkakasan telah diganti dan dinaik taraf pada 10 Oktober 2014. Peralatan sedia ada telah digunakan secara "Heavy Duty" selama 3 tahun dan sudah tidak relevan untuk digunakan kerana perkakasan tersebut sudah ketinggalan dari segi teknologi.

3. Pembangunan Sistem Aduan Penyelenggaraan UPPH JMM (MUSESOS)

Objektif utama sistem ini adalah untuk mewujudkan satu sistem *one-stop center* bagi membuat aduan mengenai kerosakan fizikal seperti paip bocor, pagar rosak dan sebagainya yang berlaku di muzium-muzium di bawah seliaan JMM. Di samping itu juga, pengadu boleh memantau status terkini aduan tersebut melalui sistem yang dibangunkan.

Sistem ini tidak melibatkan sebarang kos kerana menggunakan perisian sumber terbuka dan pelayan sedia ada. Buat masa ini, sistem telah digunapakai oleh UPPH secara dalaman. Sistem ini akan diperluaskan penggunaannya kepada Unit/Wilayah secara berperingkat mulai awal tahun 2015.

4. Pemasangan *Network Attached Storage* (NAS) di Muzium Tekstil Negara

NAS dipasang bertujuan untuk mewujudkan storan serta perkongsian fail seperti gambar, dokumen dan sebagainya di Muzium Tekstil Negara. Pemasangan NAS merupakan satu pilot-project di mana projek ini tidak melibatkan sebarang kos kerana menggunakan platform open source dan menggunakan pakai komputer sedia ada untuk dijadikan pelayan.

5. Pembangunan Sistem RFID JMM

Bagi meningkatkan lagi tahap keselamatan artifak yang ada di JMM, Sistem RFID telah dibangunkan dengan menggunakan peruntukan RMK-10 *3rd Rolling Plan*. Untuk fasa pertama, Sistem RFID telah dipasang di Muzium Negara memandangkan banyak artifak yang bernilai tinggi dipamerkan di muzium tersebut.

Di samping itu juga, Sistem RFID juga melibatkan pembangunan sistem yang diberi nama Sistem MUSECORE. Sistem ini melibatkan integrasi modul antara Modul Pengurusan Artifak, Modul Penyelidikan dan Modul Konservasi. Kelebihan integrasi antara modul tersebut adalah menjadi sumber rujukan tunggal bagi semua muzium di bawah JMM, muzium-muzium lain di Malaysia dan juga individu yang ingin mendapatkan maklumat yang berkaitan.

5. SUMBER MAKLUMAT

5.1 Sumber Media

Unit Sumber Media Jabatan Muzium Malaysia bertanggungjawab membangunkan, menyelenggara, menyelia serta mewujudkan sebuah koleksi maklumat berupa bahan-bahan dan AV di Jabatan.

Sepanjang tahun 2014, Unit Sumber Media JMM telah merakamkan pelbagai aktiviti mengikut kategori seperti yang berikut.

Koleksi Pita DVD di Unit Sumber Media 2014

Bil	Tajuk	DV Tape	DVD
1	Peristiwa Jabatan	375 unit	781 keping
	JUMLAH	367	781

Koleksi Gambar Unit Sumber Media 2014

Bil	Kategori	Jumlah
1	Etnologi	2733
2	Monumen	300
3	Alam Semula Jadi	126
4	Peristiwa Jabatan	19,122
5	Konservasi	695
6	Pameran	1053
	JUMLAH	24,029

Bilangan Pengguna

Bil	Kategori Borang	Pelanggan	Imej
1	Pesanan Rasmi	234	111,384 keping
2	Pesanan bayaran	8	66 keping
	JUMLAH	246	111,450 keping

Hasil Jualan Gambar Tahun 2014

Bil	Jumlah Orang Luar	Jumlah Jualan Gambar	Jumlah Hasil (RM)
1	8 Orang	66 keping	2,980.00

5.2 Perpustakaan

Sumber Perpustakaan JMM 2014

5.2.1 Pembelian Buku

Pembelian Monograf Tahun 2014	858 Naskah 683 Judul	RM 104,823.56
Jumlah koleksi Monograf sehingga tahun 2014	24,720 Naskah	

5.2.2 Pembelian Buku Mengikut Subjek Pada Tahun 2014

SUBJEK	JUMLAH
Permuziuman	120
Kebudayaan	64
Sejarah	89
Grafik / Seni	34
Pelancongan / Tempat Bersejarah	57
Tokoh	39
Alam Semulajadi / Haiwan	49
Pakaian / Tekstil	84
Senibina	66
Etnik / Peribumi	49
Bahasa/Sastera	44
Senjata/ Perang	24
Muzik	97
Lain-lain	42
JUMLAH KESELURUHAN	858 naskhah

5.2.3 Hadiah Dan Pertukaran 2014

Hadiah Dan Pertukaran Tahun 2014 (Monograf)	182 Naskah
---	------------

5.3 Perolehan Terbitan Bersiri

Bahan-bahan terbitan bersiri jurnal dan majalah diperolehi secara percuma atau dilanggan. Bahan ini dilangga nuntuk perpustakaan JMM & 8 muzium cawangan. Sebanyak 6 judul jurnal dan 22 tajuk majalah dilanggan oleh perpustakaan pada tahun 2014. Terbitan bersiri ini di rekod mengikut susunan abjad :

Terbitan Bersiri	Jumlah Terbitan (unit)
Diberi Percuma	295 naskhah
Dilanggan	251 naskhah
Jumlah Keseluruhan	546 unit

2. KOLEKSI KERATAN AKHBAR 2014

2.1 Keratan akhbar dibuat setiap hari dan akan dimasukkan ke dalam sistem Media Universe mengikut subjek perkara yang telah ditetapkan seperti Alam semula jadi, Arkeologi, Etnologi, Kraftangan, Kenderaan, Koleksi, Muzium, Pameran, Sejarah, Senibina, Tokoh dan lain-lain.

2.2 Jumlah keratan akhbar 2014 : 1127 artikel

2.3 Jumlah kumulatif dari 2007 : 6,294 keping

2.4 KERATAN AKHBAR MENGIKUT AKHBAR YANG DILANGGAN

NAMA AKHBAR	JUMLAH KERATAN
Utusan Malaysia	189
Berita Harian	225
Tamil Nesan	3
Makkal Osai	-
Sinar	84
Kosmo	169
Harian Metro	158
The Star	113
New Straits Times	99
Malay Mail	55
Nanyang Siang Pau	1
Oriental Daily	-

NAMA AKHBAR	JUMLAH KERATAN
Shin Chiew Daily	1
Lain-lain BahanRujukan	18
JUMLAH KESELURUHAN	1127

3. SISTEM PEMBEKALAN PENERBITAN (SPP) 2014

Sistem Pembekalan Penerbitan
(Pinjaman Antara Perpustakaan : PNM, ARKIB NEGARA dll.)


34 Unit

4. STATISTIK PELAWAT TAHUN 2014

4.1 Pengunjung Perpustakaan

Jumlah Pengunjung Perpustakaan Jabatan Muzium 2014

BULAN	STAF JABATAN MUZIUM MALAYSIA	PELAWAT DARI LUAR
Januari	259	18
Febuari	308	9
Mac	300	20
April	277	28
Mei	214	20
Jun	201	15
Julai	287	17
Ogos	269	9
September	299	29
Oktober	292	18
November	282	10
Disember	301	11
Jumlah	3,287	204
JUMLAH KESELURUHAN		3,491 orang



Sepanjang tahun 2014, jumlah pengunjung ke perpustakaan adalah sebanyak 3,491 orang. Terdapat peningkatan dalam jumlah pengunjung tahun ini berbanding dari tahun lepas iaitu sebanyak 2,954 orang.

5. PERKHIDMATAN & PROMOSI SERTA GALAK GUNA BAHAN PERPUSTAKAAN

- 5.1 Peminjaman bahan : 486 naskhah
- 5.2 Soalan rujukan : 27 soalan
- 5.3 Peminjaman kelompok Perpustakaan Negara Malaysia : Mac dan Disember
- 5.4 Pogram Buku Khazanah Ilmu anjuran UiTM dengan kerjasama JMM (16 Jun 2014).




6. JUALAN TERBITAN JABATAN MUZIUM MALAYSIA

6.1 Jualan Monograf, VCD dan DVD

Bulan	Jumlah Jualan (RM)
Januari	2435.00
Febuari	3903.50
Mac	4888.40
April	7239.90
Mei	9403.50
Jun	4895.40
Julai	1340.00
Ogos	546.00
September	1774.90
Oktober	3304.60
November	5134.30
Disember	2819.80
Jumlah	47,685.30

Jualan Monograf, VCD & DVD 2014



Penjualan telah diadakan di seminar, forum dan bengkel Jabatan Muzium Malaysia. Manakala jualan luar dari Jabatan Muzium Malaysia turut giat dijalankan dari masa ke masa contohnya pada Pesta Buku Antarabangsa yang berlangsung pada setiap bulan April. Jumlah keseluruhan jualan bahan terbitan JMM termasuk buku, vcd dan dvd adalah sebanyak RM47,685.30 pada 2014.



Pustakawan membuat pemilihan buku untuk perpustakaan semasa Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur.



Gerai buku JMM semasa di Pesta Buku Antrabangsa Kuala Lumpur yang berlangsung pada bulan April 2014



Acara melibatkan kanak-kanak di Program Buku Khazanah Ilmu

PENGURUSAN KOLEKSI DAN KONSERVASI

PROFIL

Pengurusan Koleksi

Pengurusan koleksi merupakan salah satu fungsi JMM untuk mengumpul warisan harta kebudayaan, sejarah dan alam semula jadi negara dalam bentuk artifak, ekofak, spesimen dan dokumen-dokumen yang berkaitan serta mendokumentasi, memelihara dan menyimpankannya sebagai sumber rujukan dan penyebaran ilmu pengetahuan menerusi khidmat pinjaman artifak, rujukan dan pameran. Pengurusan koleksi terletak di bawah portfolio Bahagian Pengurusan Koleksi. Berikut adalah fungsi Bahagian Pengurusan Koleksi, Jabatan Muzium Malaysia:

1. Mendaftarkan semua koleksi artifak Jabatan mengikut penjenisan yang ditetapkan secara manual atau berkomputer.
2. Menyediakan satu sistem maklumat semua artifak yang mudah dan lengkap
3. Menguruskan semua koleksi dari segi penyimpanan, pemeliharaan dan keselamatan
4. Menguruskan pinjaman koleksi bagi tujuan aktiviti pengembangan dan pendidikan.

Konservasi

Pusat Konservasi Jabatan Muzium Malaysia berperanan untuk memastikan bahan-bahan koleksi Jabatan Muzium Malaysia berada dalam keadaan baik dan terpelihara. Matlamat ini direalisasikan melalui kerja-kerja penyelidikan dan konservasi artifak.



Fungsi Pusat Konservasi

1. Melaksanakan kerja-kerja penganalisaan, penyelidikan, rawatan dan pemeliharaan koleksi muzium bagi tujuan pameran, simpanan, pendidikan dan dokumentasi
2. Menjalankan kerja-kerja pencegahan kerosakan dan membaikpulih artifak
3. Pemantauan sistem kawalan suhu, kelembapan, pencahayaan dan makluk perosak yang terdapat di dalam stor koleksi dan galeri-galeri muzium
4. Memberikan latihan dan khidmat nasihat mengenai konservasi kepada kakitangan dan agensi berkaitan

Aktiviti Konservasi

Bahan organik

Bahan organik adalah bahan yang berasaskan karbon dan sumbernya adalah daripada tumbuhan dan haiwan.



Bahan organik mudah menyusut dan dirosakkan oleh serangan ejen perosak. Contoh bahan organik ialah rotan, buluh, kayu bulu dan kulit.

Bahan Bukan Organik

Bahan bukan organik adalah bahan yang terdiri daripada campuran mineral dan tidak terbentuk hasil daripada pertumbuhan semulajadi organisma hidup. Contoh bahan bukan organik adalah logam, batu dan lain-lain.

Konservasi Preventif

Tindakan yang dilakukan bagi menghalang pelapukan semulajadi objek akibat keadaan persekitaran seperti suhu, kelembapan, cahaya dan juga perosak seperti serangga, fungus dan pencemaran udara.

Konservasi Kuratif

Konservasi kuratif adalah tindakan yang diambil untuk merawat objek yang mengalami proses deteriorasi. Tindakan yang diambil adalah bertujuan untuk menghentikan atau merencat proses deteriorasi ke atas objek tersebut.

Restorasi

Prosedur rawatan yang dilakukan dengan tujuan untuk mengembalikan barangan kebudayaan kepada keadaan yang sedia kala dengan menggunakan bahan yang hampir sama dengan bahan asal.

PENCAPAIAN AKTIVITI TAHUNAN

Pada tahun 2014, Jabatan Muzium Malaysia telah berjaya melaksanakan perolehan sejumlah 219 artifak menjadikan jumlah keseluruhan artifak di Jabatan Muzium Malaysia adalah 30,658.

Perolehan ini melibatkan artifak kebudayaan seperti berikut:

BIL	KLASIFIKASI ARTIFAK	JUMLAH
1	Pakaian, Tekstil Dan Perhiasan Diri	103
2	Alat bunyi-bunyian	10
3	Setem dan Sampul surat hari pertama	25
4	Perangkap	2
5	Senjata dan alat peperangan	42
6	Pertanian	1
7	Alat dan perusahaan	36
	Jumlah Keseluruhan	219

Perolehan ini melibatkan peruntukan sejumlah RM 999.960.00 bagi tahun 2014. Selain dari itu, bagi tujuan melengkapkan data asas artifak, sebanyak 1,943 artifak telah berjaya diinventori sepanjang tahun 2014.


Pusat Konservasi telah menerima pelbagai artifak koleksi jabatan untuk dikonservasi. Sepanjang tahun 2014 sebanyak 901 artifak telah siap dan selesai dikonservasi mengikut kategori organik dan bukan organik. Berikut adalah pembahagian koleksi mengikut kategori unit / muzium dan organik / bukan organik yang telah dibuat proses konservasi:

LAPORAN ARTIFAK YANG TELAH SELESAI DIKONSERVASI BAGI TAHUN 2014

BIL	UNIT / MUZIUM	JAN			FEB			MAC			APR			MEI			JUN			JULY			AUG			SEP			OCT			NOV			DEC		
		O	B.O	PREV	O	B.O	PREV	O	B.O	PREV	O	B.O	PREV	O	B.O	PREV	O	B.O	PREV	O	B.O	PREV	O	B.O	PREV	O	B.O	PREV	O	B.O	PREV	O	B.O	PREV			
1	MUZIUM PERAK			41					3	2											15			18													
2	MUZIUM MATANG		1																																		
3	PENDAFTARAN				57	8	8	35	35		4	39					10	5							1	11	120			19			4				
4	KOLEKSI DONG SONG								3																												
5	MUZIUM SUNGAI LEMBING								1																												
6	MSKOA										3																										
7	GALERI DIRAJA ARAU													306		20	130																				
8	MUZIUM DIRAJA																																				
9	MUZIUM LABUAN																											2									
JUMLAH O / B.O / PREV		0	1	41	57	8	8	38	41	0	7	39	0	0	306	0	30	135	0	0	0	15	0	0	18	1	11	120	0	2	0	19	0	0	4	0	0
JUMLAH BULANAN		42			73			79			46			306			165			15			18			132			2			19			4		
JUMLAH TAHUNAN		901																																			

* O = ORGANIK
 * B.O = BUKAN ORGANIK
 * PREV = PREVENTIF

JUMLAH ORGANIK	156
JUMLAH BUKAN ORGANIK	543
JUMLAH PREVENTIF	202







MERAKYATKAN MUZIUM MELALUI PAMERAN DAN PENGEMBANGAN

PAMERAN

Pameran merupakan kegiatan utama Jabatan Muzium Malaysia. Pameran dikategorikan kepada Pameran tetap, Pameran Sementara, Pameran Khas dan Pameran Bergerak (pengembangan sejarah, budaya, warisan dan alam semula jadi). Bahagian Perkhidmatan Muzium berperanan memberikan khidmat nasihat kepakaran dan perundingan kepada muzium-muzium negeri, agensi-agensi kerajaan dan swasta serta institusi pengajian tinggi dalam pengurusan, penubuhan dan pameran muzium serta merangka dan melaksanakan perkhidmatan pengisian pameran muzium-muzium baharu jabatan dan kerja-kerja ubahsuai naik taraf. Muzium-muzium di bawah JMM juga terlibat secara langsung dalam perancangan dan penyelidikan pameran JMM.

PENCAPAIAN AKTIVITI TAHUNAN

Sepanjang tahun 2014, Bahagian Pameran dan Pengembangan yang dulunya dikenali sebagai Bahagian Perkhidmatan Muzium telah berjaya melaksanakan empat pameran sementara, dua puluh satu pameran luar dan dua aktiviti yang melibatkan khidmat kepakaran.

PAMERAN SEMENTARA

1. Pameran Manik untuk Kecantikan

Pameran Manik untuk Kecantikan merupakan pameran sementara Jabatan Muzium Malaysia yang diadakan di Galeri 2 pada 15 Januari 2014 sehingga 15 Februari 2014. Pameran ini diadakan untuk menggambarkan keunikan manik dari pelbagai ragam hias, saiz dan warna yang mana ia digunakan untuk tujuan kecantikan. Sejak manik diperkenalkan pada permulaan zaman awal



Antara sudut Pameran Manik Untuk Kecantikan di Galeri 2, Jabatan Muzium Malaysia.

peradaban masyarakat dunia, manik sememangnya digunakan sebagai alat perhiasan penting sebagai simbol kemewahan yang melambangkan status sosial pemakai. Dengan itu, menerusi pameran ini, pengunjung bukan sahaja berpeluang mengetahui mengenai sejarah manik malah poster-poster yang dipamerkan di pameran ini merangkumi tajuk-tajuk utama seperti rekacipta manik, pembuatan manik, perhiasan kepala, pakaian manik, perhiasan diri, barang keperluan harian dan penemuan manik Sungai Mas. Selain daripada pemaparan poster grafik yang sangat berinformasi, pameran ini juga



Busana wanita bermanik yang dipamerkan di dalam Pameran Manik.

mempamerkan pelbagai koleksi artifak yang dihiasi dengan manik-manik yang indah dan berwarna-warni. Setiap artifak yang dipamerkan disertakan juga dengan kapsyen iaitu penerangan mengenai artifak tersebut. Sepanjang pameran ini berlangsung, sambutan yang diterima amatlah mengalakkan.



Pelapik dada bermanik yang dipamerkan.



Pameran Manik untuk Kecantikan yang diadakan di Galeri 2, Jabatan Muzium Malaysia



Pameran Manik untuk Kecantikan yang diadakan di Galeri 2, Jabatan Muzium Malaysia

2. Pameran Kebudayaan Dongson: Khazanah Purba

Pameran Kebudayaan Dongson: Khazanah Purba merupakan hasil kerjasama antara Jabatan Muzium Malaysia dan Vietnam National Museum of History. Pameran ini telah berlangsung pada 4 Mac 2014 sehingga 4 Mei 2014 di Galeri Tengah, Muzium Negara. Dengan penganjuran pameran ini, ia bukan sahaja menonjolkan keakraban hubungan antara kedua-dua negara, malah ia juga membuktikan komitmen Jabatan Muzium Malaysia dalam memperkukuhkan jalinan kerjasama di arena antarabangsa.

Pameran ini adalah bagi menerangkan kepada masyarakat umum mengenai kebudayaan Dongson. Kebudayaan Dongson yang amat terkenal di Vietnam telah tersebar luas di Asia Tenggara termasuklah Malaysia. Secara umumnya, hampir semua peralatan pada zaman Dongson dihasilkan dalam bentuk logam contohnya seperti loceng gangsa

Tajuk-tajuk utama poster grafik untuk pameran ini adalah kebudayaan Dongson, ciri-ciri kebudayaan Dongson, artifak dan peralatan kebudayaan Dongson, fungsi objek dalam kebudayaan Dongson, teknik pembuatan peralatan gangsa dan penyebaran budaya Dongson di Malaysia. Selain daripada paparan poster grafik yang sangat berinformasi, pameran ini juga disokong dengan artifak-artifak yang dibawakan khas dari Vietnam National Museum of History, Hanoi. Antaranya adalah tempayan gangsa, koleksi aksesori gelang tangan, loceng gangsa dan beberapa lagi artifak terpilih.



Pintu masuk ke galeri yang mempamerkan artifak-artifak dari Zaman Dongson.



Artifak-artifak gendang Dongson yang dipamerkan di dalam pameran ini



Pengerusi daripada Muzium Sejarah Vietnam sedang memberi penerangan tentang gendang Donsong kepada Y.Bhg. Dato' Ong Hong Peng, KSU Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan

3. Pameran Evolusi Senjata Dan Kemanusiaan Sedunia

Pameran Evolusi Senjata yang diadakan pada 20 September 2014 sehingga 30 April 2014 adalah merupakan pameran sementara yang terbesar Jabatan Muzium Malaysia sepanjang tahun 2014 kerana pameran ini menggunakan 3 buah galeri pameran sementara iaitu Galeri Emas, Galeri 2 dan Galeri 3.

Konsep pameran ini adalah untuk mengajak pengunjung melihat hubungkait senjata dalam kehidupan manusia di seluruh dunia serta nilai-nilai disebalik penciptaan dan pengamalannya. Bagi memperlihatkan dunia



Sebahagian ruang galeri yang terdapat di Pameran Evolusi Senjata dan Kemanusiaan.



Antara koleksi pedang yang dipamerkan di Pameran Evolusi Senjata dan Kemanusiaan.



Gambar suasana peperangan yang dipamerkan di galeri pameran



Kepelbagaian senjata jenis tombak yang unik turut dipamerkan



Turut dipamerkan senjata dari Sabah dan Sarawak



Antara senjata moden dan lama dipamerkan.



Turut dipamerkan senjata dari Sabah dan Sarawak



Replika kereta kebal yang menggunakan teknologi robotik turut dipamerkan

senjata dalam pelbagai sudut kehidupan, pameran ini menceritakan mengenai penggunaan senjata dari awal kehidupan manusia sehinggalah ke zaman peperangan moden.

Selain daripada paparan poster grafik yang amat berinformatif, pameran ini juga mempamerkan hampir seribu koleksi artifak yang disertakan dengan kapsyen untuk tatapan pengunjung. Di pameran ini juga terdapat beberapa koleksi senjata yang dipinjam khas dari muzium-muzium luar negara seperti Muzium La Galigo Sulawesi, Indonesia dan National Museum of Korea. Ini juga menunjukkan jalinan kerjasama yang kukuh Jabatan Muzium Malaysia di persada antarabangsa.

Bagi menarik lebih ramai pengunjung, pameran ini juga menampilkan teknologi terkini seperti penggunaan interactive multi touch screen, kiosk hologram 3D 360 darjah, audio visual dan replika bermotor. Secara keseluruhannya, pameran ini mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada pelbagai lapisan masyarakat yang terdiri daripada pelawat dalam dan luar negara.



Antara poster grafik di Pameran Evolusi Senjata dan Kemanusiaan



4. Pameran Khazanah dari Istana Musim Panas

Pameran Khazanah dari Istana Musim Panas merupakan hasil kerjasama antara Jabatan Muzium Malaysia dan Art Exhibitions China (AEC). Pameran yang berlangsung pada 15 Disember 2014 sehingga 3 Mac 2014 di Galeri Tengah, Muzium Negara adalah bersempena dengan sambutan 40 tahun hubungan diplomatik antara Malaysia dan China. Pameran yang telah dirasmikan oleh YB Dato' Seri Mohamed Nazri Tan Sri Abdul Aziz, Menteri Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia ini membuktikan kejayaan Jabatan Muzium Malaysia di dalam memperkukuhkan jalinan kerjasama di peringkat antarabangsa.



Keunikan rekabentuk dan ukiran pintu gerbang untuk pameran ini



Antara koleksi patung yang dipinjam khas dari Summer Palace, China



Pandangan atas ruang galeri pameran



Antara reka bentuk batu jed di pameran ini

Antara tajuk-tajuk utama utama poster grafik pameran ini adalah Istana Summer Palace, Blessed Hill dan Lake of Longevity, Kecintaan dan Kesungguhan Dalam Mempelajari Kebudayaan Kuno, Kebangkitan Melalui Agama, Keanggunan Yang Sukar Ditandingi, Diplomasi Lawatan Taman dan Kehidupan Mewah Dalam Istana Musim Panas. Keseluruhan koleksi artifak pameran ini dibawakan khas dari negara China yang merupakan koleksi Istana Musim Panas (Summer Palace). Pengunjung yang mengunjungi pameran ini semestinya akan dapat menyaksikan koleksi diraja, malah mereka juga akan lebih memahami sejarah dan budaya masyarakat negara China.



Pandangan hadapan ruang galeri pameran



Koleksi jam berbentuk kepala keretapi yang dipamerkan.



Ruang Pameran Khazanah Dari Istana Musim Panas

PAMERAN LUAR 2014

1) Pameran Muzium dan Kerjaya (Dataran Muzium Negara)

Pameran Muzium dan Kerjaya telah diadakan pada 31 Disember 2013 sehingga 3 Januari 2014 di Dataran Muzium Negara bersempena dengan Karnival Bersama Muzium Negara. Karnival Bersama Muzium merupakan salah satu program Jabatan Muzium Malaysia yang bertujuan untuk mendekatkan masyarakat dengan muzium serta memupuk nilai-nilai cintakan kebudayaan dan warisan negara.

Pameran ini bertujuan untuk memberi pengetahuan terhadap masyarakat umum mengenai bidang-bidang tugas dan kerjaya di Jabatan Muzium Malaysia. Di samping itu juga, masyarakat dapat mengetahui mengenai pembabitan jabatan ini dalam bidang penyelidikan, pameran, pengurusan koleksi, konservasi dan pengawetan. Pameran ini mendapat sambutan yang amat menggalakkan terutamanya mereka yang berminat untuk mengetahui kerjaya yang terdapat di muzium.



Penerangan oleh kakitangan Bahagian Konservasi Jabatan Muzium Malaysia mengenai kerja-kerja konservasi artifak.



2) Pameran Lotus Sutra


Pameran Lotus Sutra merupakan pameran yang dianjurkan oleh Sokka Gakkai Malaysia dan The Institute of Oriental Philosophy. Pameran yang pertama kali dianjurkan di Malaysia dan Asia Tenggara ini telah berlangsung pada 15 Februari 2014 sehingga 11 Mei 2014 di Wisma Kebudayaan Sokka Gakkai Malaysia, Bukit Bintang, Kuala Lumpur. Pameran yang telah berlangsung selama 4 bulan ini telah berjaya menarik lebih 70,000 pengunjung. Pameran ini telah mendapat sokongan padu daripada institusi dalam dan luar negara seperti Institute of Oriental Manuscripts of the Russian Academy of Sciences dan The Academy of Indian Culture. Untuk pameran ini, Jabatan Muzium Malaysia terlibat dalam memberi khidmat dari segi pinjaman beberapa artifak terpilih dan Bahagian Pameran dan Pengembangan ditugaskan untuk melakukan kerja-kerja memperagakan artifak tersebut. Pameran yang julung kali diadakan di Malaysia ini telah menerima maklum balas yang positif daripada masyarakat umum yang terdiri daripada pelbagai latar belakang dan kepercayaan kerana mesej keharmonian dan keamanan yang diterapkannya.



Kakitangan Jabatan Muzium Malaysia sedang menyusun atur artifak di dalam peti pameran



Kakitangan Jabatan Muzium Malaysia sedang menyusun atur artifak di dalam peti pameran



Pameran Lotus Sutra yang diadakan di Bukit Bintang, Kuala Lumpur.



Artifak-artifak yang mempunyai nilai warisan yang tinggi yang dipamerkan di Pameran Lotus Sutra

3) Pameran Muzium dan Kerjaya (Muzium Perak)

Pameran Muzium dan Kerjaya telah diadakan pada 28 Februari 2014 sehingga 2 Mac 2014 di Muzium Perak, Taiping, Perak bersempena dengan Karnival Bersama Muzium Perak. Pameran ini diadakan bertujuan untuk memberi pengetahuan terhadap masyarakat umum mengenai bidang-bidang tugas dan kerjaya di Jabatan Muzium Malaysia. Di samping itu juga, masyarakat dapat mengetahui mengenai pembabitan jabatan ini dalam bidang penyelidikan, pameran, pengurusan koleksi, konservasi dan pengawetan.



Pameran Muzium dan Kerjaya Jabatan Muzium Malaysia.



Dato' Ibrahim bin Ismail, Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia diberi penerangan dari kakitangan Bahagian Konservasi.



Pengunjung yang mengunjungi booth pameran Jabatan Muzium Malaysia.



Dato' Ibrahim bin Ismail, Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia mencuba seni khat Cina.

Selain daripada paparan poster-poster grafik yang informatif, pengunjung juga berpeluang untuk melihat demonstrasi konservasi artifak dan demonstrasi mengawet serangga. Dengan adanya demonstrasi tersebut, pengunjung akan memperoleh gambaran serba sedikit mengenai kerjaya yang terdapat di muzium. Selain itu juga, jualan buku-buku dan VCD terbitan Jabatan Muzium Malaysia juga turut diadakan. Pameran ini mendapat sambutan yang amat menggalakkan terutamanya mereka yang berminat untuk mengetahui kerjaya yang terdapat di muzium.

4) Pameran Muzium dan Kerjaya (Muzium Sungai Lembing)

Pameran Muzium dan Kerjaya telah berlangsung di Muzium Sungai Lembing pada 28 Mac 2014 sehingga 30 Mac 2014 bersempena dengan Karnival Bersama Muzium Sungai Lembing. Pameran ini diadakan bertujuan untuk memberi pengetahuan terhadap masyarakat umum mengenai bidang-bidang tugas dan kerjaya di Jabatan Muzium Malaysia. Di samping itu juga, masyarakat dapat mengetahui mengenai pembabitan jabatan ini dalam bidang penyelidikan, pameran, pengurusan koleksi, konservasi dan pengawetan. Selain daripada paparan poster grafik, demonstrasi konservasi artifak dan demonstrasi mengawet serangga serta jualan buku-buku dan VCD terbitan Jabatan Muzium Malaysia juga turut diadakan bagi tujuan untuk menarik pengunjung ke booth pameran. Pameran ini mendapat sambutan daripada masyarakat umum terutamanya penduduk setempat kerana mereka amat berminat untuk mengetahui kerjaya yang terdapat di muzium.



Kakitangan Jabatan Muzium Malaysia sedang memasang Pameran Muzium dan Kerjaya sempena Karnival Bersama Sungai Lembing.



Demonstrasi konservasi artifak yang diadakan sempena Karnival Bersama Muzium Sungai Lembing.

5) Pameran Muzium dan Kerjaya (Muzium Diraja)

Pameran Muzium dan Kerjaya telah diadakan pada 4 April 2014 sehingga 6 April 2014 di Muzium Diraja, Kuala Lumpur bersempena dengan Karnival Bersama Muzium Diraja. Pameran ini dipilih kerana ingin memberi pendedahan kepada masyarakat umum mengenai kerjaya yang terdapat di Jabatan Muzium Malaysia. Selain itu, masyarakat juga dapat mengetahui mengenai pembabitan jabatan ini dalam bidang penyelidikan, pameran, pengurusan koleksi, konservasi dan pengawetan. Pameran ini mempamerkan poster-poster grafik yang menerangkan bidang-bidang tugas utama yang terdapat di jabatan ini. Selain daripada paparan poster grafik, demonstrasi konservasi artifak dan demonstrasi mengawet serangga serta jualan buku-buku dan VCD terbitan Jabatan Muzium Malaysia juga turut diadakan bagi tujuan untuk menarik pengunjung ke booth pameran. Pameran ini mendapat sambutan daripada masyarakat umum kerana mereka amat berminat untuk mengetahui kerjaya yang terdapat di muzium.

6) Pameran Meniti Ombak ke Kalabar

Pameran Meniti Ombak ke Kalabar merupakan kerjasama antara Jabatan Muzium Malaysia dan TV Al Hijrah. Karnival Hijrah merupakan sebuah karnival Islam yang dianjurkan oleh TV Al Hijrah bersempena dengan Program Dakwah Negara. Sehubungan dengan itu, pihak TV Al Hijrah menjemput Jabatan Muzium Malaysia untuk terlibat sama dalam pameran bersempena karnival tersebut. Pameran Meniti Ombak ke Kalabar telah diadakan pada 28 Mac 2014 sehingga 30 Mac 2014 di Pantai Murni, Yan, Kedah. Pameran selama 3 hari ini, adalah berkisarkan sejarah ringkas Rasul-rasul utusan Allah S.W.T., disamping diselitkan juga mengenai sejarah

Islam di negeri Kedah. Bagi pameran ini, kesemua panel informasi yang dipamerkan disediakan oleh TV Al Hijrah, manakala artifak-artifak untuk pameran ini sahaja yang disediakan oleh Jabatan Muzium Malaysia. Pengunjung pameran ini, bukan sahaja dapat mengetahui fakta-fakta menarik mengenai Rasul-rasul utusan Allah S.W.T., malah mereka juga berpeluang melihat artifak-artifak terpilih koleksi Jabatan Muzium Malaysia seperti seperti Al-Quran Mushaf Uthmani dan replika perahu Mayang. Setiap artifak yang dipamerkan disertakan dengan kapsyen bagi memberi penerangan yang jelas kepada pengunjung. Secara keseluruhannya, pameran ini mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada masyarakat umum khususnya penduduk Yan, Kedah.



Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia, Dato Ibrahim bin Ismail sedang memberikan penerangan kepada Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom Menteri di Jabatan Perdana Menteri.



Pameran Meniti Ombak ke Kalabar yang menerima begitu ramai pelawat



Replika Musyaf Al-Quran menjadi tumpuan para pengunjung.



Koleksi replika kapal yang dipamerkan di Pameran Meniti Ombak ke Kalabar.



7) Pameran Senjata: Khazanah Warisan

Hari Muzium Antarabangsa telah menjadi satu acara tahunan bagi muzium-muzium di seluruh Malaysia di mana setiap muzium akan berselang-seli menjadi tuan rumah dalam penganjuran hari tersebut. Pada tahun ini, Perbadanan Adat Warisan Negeri Selangor (PADAT) menjadi penganjur bagi acara tersebut dengan kerjasama Jabatan Muzium Malaysia. Bertemakan 'Museums Collections Make Connections', Jabatan Muzium Malaysia telah memilih pameran yang bertajuk Senjata: Khazanah Warisan. Pameran yang berlangsung di Perbadanan Adat Warisan Negeri Selangor (PADAT) pada 16 Mei 2014 sehingga 18 Mei 2014 turut dimeriahkan dengan pameran-pameran dari muzium-muzium di seluruh Malaysia. Bahagian Pameran dan Pengembangan ditugaskan untuk melaksanakan pameran, disamping

bertindak sebagai urusetia pameran sepanjang program berlangsung. Konsep Pameran Senjata: Khazanah Warisan adalah bagi mengajak pengunjung untuk memperlihatkan hubungkait senjata dalam kehidupan manusia sejak awal kewujudan senjata serta nilai-nilai di sebalik penciptaan dan pengamalannya.

Selain daripada pemaparan poster grafik, pameran ini juga turut disokong dengan beberapa artifak terpilih seperti baju berantai, batuan pra-sejarah, batu ranjut dan lain-lain lagi. Setiap artifak yang dipamerkan turut disertakan dengan kapsyen bagi memberi penerangan yang jelas kepada pengunjung. Di samping itu juga, jualan buku dan terbitan Jabatan Muzium Malaysia dan Persatuan Muzium Malaysia turut diadakan. Sambutan yang diterima untuk pameran ini amat mengalakkan daripada pelbagai lapisan masyarakat.



Orang ramai yang mengunjungi Pameran Senjata Khazanah Warisan yang diadakan sempena Hari Muzium Antarabangsa 2014.



Keris Bugis dan Keris Kraton yang dipamerkan dalam Pameran Senjata Khazanah Warisan yang diadakan sempena Hari Muzium Antarabangsa 2014



Pameran Senjata Khazanah Warisan yang diadakan sempena Hari Muzium Antarabangsa 2014

8) Pameran Muzium dan Kerjaya (Persiaran Perdana, Presint 4, Putrajaya)

Pameran Muzium dan Kerjaya telah diadakan pada 23 Mei 2014 sehingga 25 Mei 2014 di Persiaran Perdana, Presint 4, Putrajaya bersempena dengan Festival Belia 2014. Festival Belia merupakan program tahunan anjuran Kementerian Belia dan Sukan. Festival ini diisi dengan 60 segmen yang memberi fokus kepada aktiviti pendidikan, kerohanian, kemahiran, kesenian, bakat, interaksi dan sukarelawan. Sehubungan dengan itu, bagi menarik golongan belia untuk melawat booth pameran Jabatan Muzium Malaysia, pameran bertajuk Muzium dan Kerjaya dipilih untuk program ini. Pameran ini amat bersesuaian kerana ia dapat memberi pendedahan kepada golongan belia mengenai bidang-bidang tugas dan kerjaya yang terdapat di Jabatan Muzium Malaysia. Di samping itu juga, golongan belia dapat mengetahui mengenai pembabitan jabatan ini dalam bidang penyelidikan, pameran, pengurusan koleksi, konservasi

dan pengawetan. Pameran ini mendapat sambutan yang amat menggalakkan oleh golongan belia yang terdiri daripada semua lapisan masyarakat yang berminat untuk mengetahui kerjaya yang terdapat di muzium.



Booth Pameran Muzium dan Kerjaya.



Kerja-kerja pemasangan pameran sedang dilakukan.



Kakitangan Muzium Alam Semulajadi sedang memberi penjelasan mengenai kerja-kerja mengawet serangga kepada pelawat.



Antara artifak yang dipamerkan



Antara artifak yang dipamerkan



Pintu masuk ke Pameran Jabatan.

9) Pameran Aktiviti, Fungsi dan Pencapaian Jabatan

Pameran Aktiviti, Fungsi dan Pencapaian Jabatan diadakan bersempena Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2013 dan Majlis Persaraan Peringkat Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia. Pameran ini diadakan pada 21 Mei 2014 di Dewan Serbaguna Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan, Putrajaya. Pameran pada kali ini diadakan bagi mengetengahkan fungsi Bahagian Konservasi, Jabatan Muzium Malaysia. Di samping memberi penjelasan yang lebih lanjut kepada warga Kementerian mengenai kerja-kerja konservasi, pameran ini juga turut memberi pendedahan mengenai visi dan misi Jabatan Muzium Malaysia. Pengunjung juga berpeluang melihat bagaimana kerja-kerja konservasi dilakukan melalui demonstrasi konservasi artifak oleh pegawai dan kakitangan dari Bahagian Konservasi. Sambutan yang diterima amat menggalakkan kerana pengunjung begitu tertarik dengan demonstrasi konservasi artifak yang diadakan.



Demonstrasi konservasi artifak oleh pegawai dan kakitangan Bahagian Konservasi

10) Pameran Alat Muzik Tradisional

Pameran Alat Muzik Tradisional yang berlangsung pada 23 Mei 2014 sehingga 25 Mei 2014 di Muzium Lembah Bujang, Kedah adalah bersempena dengan Karnival Bersama Muzium Lembah Bujang. Melalui pameran ini, pengunjung berpeluang untuk mengetahui info-info yang menarik mengenai alat muzik tradisional tempatan melalui panel informasi yang dipamerkan. Selain itu juga, beberapa koleksi alat muzik tradisional berserta dengan penerangan dipamerkan di dalam peti pameran untuk tatapan pengunjung. Pameran ini mendapat sambutan yang mengalakkan daripada penduduk tempatan kerana mereka amat tertarik dengan informasi yang diperolehi. Dengan adanya pameran sebegini, maka ia dapat memberi pendedahan meluas terhadap masyarakat umum mengenai kehebatan dan keunikan alat muzik tradisional serta budaya yang dibawa melalui alat muzik tersebut.



Pameran Alat Muzik Tradisional yang diadakan sempena Karnival di Muzium Lembah Bujang



Sudut hadapan booth pameran Jabatan Muzium Malaysia



Kurator Muzium Muzik, Cik Rohana binti Husin sedang memberikan penerangan kepada Dato' Ibrahim bin Ismail tentang alatan muzik tradisional yang dipamerkan.



Dato' Ibrahim bin Ismail, Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia sedang merasmikan Karnival Muzium Lembah Bujang.

11) Pameran Meniti Ombak ke Kampung Laut

Karnival Hijrah dan Pameran Buku Islam diadakan bersempena dengan Program Dakwah Negara Peringkat Negeri Kelantan. Program ini merupakan anjuran TV Al Hijrah dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan dan Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia. Pameran Meniti Ombak ke Kampung Laut yang telah diadakan pada 12 Jun 2014 sehingga 14 Jun 2014 di Balai Islam, Lundang, Kelantan merupakan hasil kerjasama antara Jabatan Muzium Malaysia dan TV Al Hijrah. Pameran ini, berkisarkan sejarah ringkas Rasul-rasul utusan Allah



Panel grafik Tokoh Tokoh Ulamak Kelantan.



Model kapal yang dipamerkan.



Tetamu kehormat melawat pameran.

S.W.T., disamping diselitkan juga mengenai sejarah Islam di negeri Kelantan. Bagi pameran ini, kesemua poster informasi yang dipamerkan disediakan oleh TV Al Hijrah, manakala artifak-artifak untuk pameran ini sahaja yang disediakan oleh Jabatan Muzium Malaysia. Melalui pameran ini, pengunjung bukan sahaja dapat mengetahui fakta-fakta menarik mengenai Rasul-rasul Utusan Allah S.W.T., malah mereka juga berpeluang melihat artifak-artifak terpilih seperti Al-Quran Mushaf Uthmani dan replika kapal Cadik Majapahit. Setiap artifak yang dipamerkan disertakan dengan kapsyen bagi memberi penerangan yang jelas kepada pengunjung mengenai artifak tersebut. Secara keseluruhannya, pameran ini mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada masyarakat umum khususnya penduduk sekitar Kota Bharu, Kelantan.



Pengunjung yang melawat pameran.

12) Pameran Muzium-Muzium di bawah Jabatan Muzium Malaysia (Muzium Kota Kuala Kedah)

Pameran Muzium-Muzium di bawah Jabatan Muzium Malaysia telah diadakan pada 29 Ogos 2014 sehingga 31 Ogos 2014 di Muzium Kota Kuala Kedah, Kedah. Pameran ini diadakan bersempena dengan Karnival Bersama Kota Kuala Kedah. Pada kali ini, Bahagian Pameran dan Pengembangan membawa pameran yang bertajuk Muzium-Muzium di bawah Jabatan Muzium Malaysia adalah untuk memberi penerangan yang jelas kepada masyarakat mengenai muzium-muzium yang terdapat di bawah pengurusan Jabatan Muzium Malaysia. Sebanyak 21 buah muzium yang terdapat di bawah pengurusan Jabatan Muzium Malaysia diketengahkan di pameran ini. Di samping dapat memberi pendedahan kepada masyarakat umum mengenai muzium-muzium tersebut, dengan cara ini juga ia dapat menarik lebih ramai pelawat untuk berkunjung ke muzium. Selain daripada pengisian poster informasi, demonstrasi konservasi artifak, demonstrasi mengawet serangga dan jualan buku dan VCD terbitan Jabatan Muzium Malaysia juga turut diadakan bagi menarik perhatian pengunjung ke booth pameran. Secara keseluruhannya, pameran ini mendapat sambutan daripada masyarakat umum khususnya penduduk setempat.



Penglibatan kanak-kanak dalam aktiviti.



Jualan buku terbitan Jabatan Muzium Malaysia.



Perasmian Program Karnival Bersama Muzium Kota Kuala Kedah oleh Dato' Ibrahim bin Ismail, Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia.



YBhg. Dato' Ibrahim bin Ismail melawat pameran.

13) Pameran Alat Muzik Tradisional

Pameran Alat Muzik Tradisional yang berlangsung pada 26 September 2014 sehingga 28 September 2014 di Medini Mall, Nusajaya, Johor Bahru adalah bersempena dengan sambutan 'World Tourism Day 2014'. Pameran yang diadakan ini amatlah bersesuaian dengan tema sambutan yang diraikan iaitu bagi mempromosi sektor pelancongan negara. Menerusi pameran ini, pengunjung tempatan dan juga luar negara diberikan pendedahan mengenai alat muzik tradisional yang terdapat di Malaysia. Pameran ini mendapat sambutan yang menggalakkan daripada masyarakat umum kerana mereka amat tertarik dengan informasi yang diperolehi melalui paparan poster-poster grafik dan juga artifak-artifak yang dipamerkan. Bagi menarik perhatian pengunjung ke booth ini, salah satu daripada alat muzik Gamelan iaitu Keromong/Bonang dibawa ke pameran ini. Demonstrasi memainkan alat muzik gamelan ini dilakukan di hadapan pengunjung serta pengunjung yang tertarik dengan alat muzik ini diberikan peluang untuk memainkannya sambil diberi tunjuk ajar oleh kakitangan pameran yang bertugas. Dengan adanya pameran ini, ia secara tidak langsung dapat mempromosi budaya masyarakat Malaysia, di samping memberi pendedahan kepada masyarakat umum mengenai kehebatan dan keunikan alat muzik tradisional yang terdapat di Malaysia.



Alat muzik Gambus antara artifak yang dipamerkan.

14) Pameran Koleksi Artifak Warisan Kebangsaan

Pameran Koleksi Artifak Warisan Kebangsaan ini telah berlangsung pada 18 Oktober 2014 sehingga 19 Oktober 2014 di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur bersempena dengan sambutan Hari UNESCO Malaysia 2014. Bersesuaian dengan sambutan hari yang gemilang tersebut, Jabatan Muzium Malaysia telah memutuskan untuk mempamerkan 10 artifak Warisan Kebangsaan iaitu Duit Emas Sultan Muzaffar Shah (1564-1570) Johor, Duit Kijang Emas, Duit Emas Zaman Pemerintahan Sultan Alau'uddin Riayat Shah (1527/28-1564) Johor, Duit Emas Zaman Pemerintah Sultan Zainal Abidin II (1793-1808) Terengganu, Pending Melayu, Tepak Sirih Sultan Abdul Samad, Celepa Diraja Terengganu, Patung Avalokitesvara dan Arca Buddha Duduk. Pameran ini mendapat sambutan yang begitu menggalakkan daripada para pengunjung. Melalui pameran ini, masyarakat berpeluang untuk melihat dengan lebih dekat lagi artifak-artifak tersebut, di samping mendapat maklumat yang menarik mengenai artifak-artifak tersebut melalui poster pameran yang dipamerkan. Dengan secara tidak langsung melalui pameran ini, ia dapat mempromosi khazanah warisan negara terhadap masyarakat luar negara kerana sambutan hari UNESCO merupakan salah satu acara peringkat Kebangsaan.



Loceng gangsa dan arca Buddha duduk yang dipamerkan di Pameran Koleksi Artifak Warisan Negara (UNESCO).



Galeri Pameran Koleksi Islam sempena penganjuran Festival Kesenian dan Kebudayaan Islam Antarabangsa Putrajaya 2014.



Pintu gerbang dari Kelantan turut menghiasi ruang pameran ini.



Artifak rehal dari Iran.



Replika Mushaf Uthmani yang turut dipamerkan di dalam pameran ini.

15) Pameran Koleksi Islam Terpilih

Pameran Koleksi Islam Terpilih yang diadakan ini adalah merupakan kerjasama antara Jabatan Muzium Malaysia dan Perbadanan Putrajaya. Pameran ini telah berlangsung pada 30 Oktober 2014 sehingga 9 November 2014 di Kompleks Perbadanan Putrajaya, Presint 3, Putrajaya adalah bersempena dengan penganjuran Festival Kesenian dan Kebudayaan Islam Antarabangsa Putrajaya 2014. Untuk pameran ini, Jabatan Muzium Malaysia memberi khidmat dari segi peminjaman artifak dan juga menyediakan penerangan mengenai artifak terbabit. Untuk pameran ini, Bahagian Pameran dan Pengembangan terlibat untuk kerja-kerja mempamer artifak serta memantau artifak sepanjang pameran berlangsung. Koleksi artifak yang dibawa untuk pameran ini seperti salinan Al-Quran Mushaf Uthmani dan Pintu Gerbang Kelantan/Pattani berjaya menarik perhatian pengunjung untuk melawat pameran ini. Secara keseluruhannya, pameran ini mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada pelbagai lapisan masyarakat.



Gendang Dabakan dari masyarakat Islam Mindanao, Filipina.

16) Pameran Koleksi Terpilih Muzium Etnologi Dunia Melayu

Pameran Koleksi Terpilih Muzium Etnologi Dunia Melayu telah diadakan pada 20 November 2014 sehingga 28 November 2014 di Muzium Warisan Alam Melayu, Universiti Putra Malaysia, Serdang bersempena dengan sambutan Program MAHA 2014. Pameran ini adalah untuk memberi pendedahan kepada pengunjung mengenai Muzium Etnologi Dunia Melayu. Poster-poster informasi yang dipamerkan di pameran ini dapat memberi gambaran kepada pengunjung mengenai pengisian yang terdapat di Muzium Etnologi Dunia Melayu. Antara tajuk-tajuk poster yang dipamerkan adalah seperti pengenalan mengenai Muzium Etnologi Dunia Melayu, alat-alat muzik Melayu, busana perkahwinan dan persenjataan Melayu. Selain pemaparan poster informasi, pameran ini juga turut mempamerkan beberapa artifak terpilih yang melambangkan warisan Melayu seperti gambus, keris dan gasing. Di samping itu juga, jualan buku dan VCD terbitan Jabatan Muzium Malaysia juga turut diadakan. Pameran sebegini amat penting kerana ia bukan sahaja dapat mempromosi Muzium Etnologi Dunia Melayu, malah ia juga dapat memperkenalkan budaya masyarakat Melayu kepada masyarakat umum.



Ruang Pameran Koleksi Terpilih MEDM



Panel pameran yang dipamerkan.



Antara artifak yang terpilih yang dipamerkan.

17) Pameran Muzium-Muzium di Bawah Jabatan Muzium Malaysia (Muzium Lukut, Negeri Sembilan)

Pameran Muzium-Muzium di Bawah Jabatan Muzium Malaysia yang telah berlangsung pada 5 Disember 2014 sehingga 7 Disember 2014 di Muzium Lukut, Negeri Sembilan ini diadakan bersempena dengan Karnival Bersama Muzium Lukut. Pameran ini adalah untuk mengetengahkan 21 buah muzium yang terdapat di bawah pengurusan Jabatan Muzium Malaysia.

Di samping dapat memberi pendedahan kepada masyarakat umum mengenai muzium-muzium tersebut, dengan cara ini juga, ia mempromosi muzium-muzium tersebut lalu dapat menarik lebih ramai pelawat untuk melawat muzium-muzium tersebut. Sebanyak 21 keping poster informasi yang mewakili setiap muzium dipamerkan bagi menerangkan secara ringkas dan padat terhadap pengunjung. Selain itu juga, demonstrasi konservasi artifak, demonstrasi mengawet serangga dan jualan buku dan VCD terbitan Jabatan Muzium Malaysia juga turut diadakan bagi menarik perhatian pengunjung ke booth pameran. Secara keseluruhannya, pameran ini mendapat sambutan yang amat mengalakkan daripada pelbagai lapisan masyarakat.



Khemah pameran untuk Jabatan Muzium Malaysia



Encik Wan Jamaluddin bin Wan Yusoff, Timbalan Ketua Pengarah (Permuziuman) melawat booth pameran.

18) Pameran Muzium-Muzium di Bawah Jabatan Muzium Malaysia (Kuala Kangsar, Perak)

Pameran Muzium-Muzium di Bawah Jabatan Muzium Malaysia yang telah diadakan pada 20 Disember 2014 di Dataran Sungai Perak Indah, Kuala Kangsar, Perak adalah bersempena dengan Karnival Nilai Murni dan Semarak Warisan. Pameran ini dibawa ke karnival ini adalah kerana ia amatlah bersesuaian dengan konsep karnival ini di mana ia bertujuan mempromosi budaya warisan negara disamping meningkatkan lagi sektor pelancongan negara. Melalui pameran ini, pengunjung akan memperoleh informasi mengenai 21 buah muzium yang berada di bawah pengurusan Jabatan Muzium Malaysia. Setiap panel informasi yang dipamerkan, menceritakan secara ringkas dan padat mengenai setiap muzium. Pameran ini mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada masyarakat umum. Dengan cara ini, ia bukan sahaja dapat memberi gambaran kepada pengunjung mengenai muzium-muzium tersebut, malah secara tidak langsung ia dapat memupuk minat di kalangan masyarakat untuk datang mengunjungi ke muzium tersebut dan sekaligus dapat meningkatkan bilangan pengunjung ke muzium. Selain daripada paparan panel informasi, pameran ini turut juga mempunyai aktiviti sampingan seperti demonstrasi konservasi artifak dan demonstrasi mengawet serangga.



Kakitangan Jabatan Muzium Malaysia sedang memasang panel pameran.



Kakitangan Jabatan Muzium Malaysia sedang memasang panel pameran.



Panel pameran yang telah siap dipasang.

19) Pameran Muzium-Muzium di bawah Jabatan Muzium Malaysia (Muzium Kota Kayang, Perlis)

Pameran Muzium-Muzium di bawah Jabatan Muzium Malaysia telah diadakan pada 26 Disember 2014 sehingga 28 Disember 2014 di Muzium Kota Kayang, Perlis. Pameran ini diadakan bersempena dengan Karnival Bersama Muzium Kota Kayang. Melalui pameran ini, sebanyak 21 buah muzium yang terdapat di bawah pengurusan Jabatan Muzium Malaysia diketengahkan kepada masyarakat umum. Di samping dapat memberi pendedahan kepada masyarakat umum mengenai muzium-muzium tersebut, dengan cara ini juga ia dapat menarik lebih ramai pelawat untuk berkunjung ke muzium-muzium tersebut. Sebanyak 21 keping poster informasi yang mewakili setiap muzium dipamerkan bagi menerangkan secara ringkas dan padat mengenai muzium-muzium tersebut. Selain daripada pengisian poster informasi, demonstrasi konservasi artifak, demonstrasi mengawet serangga dan jualan buku dan VCD terbitan Jabatan Muzium Malaysia juga turut



Dato' Ibrahim bin Ismail, Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia sedang memberi penerangan kepada Zulkafli bin Ahmad, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis.

diadakan bagi menarik perhatian pengunjung ke booth pameran. Pameran ini telah mendapat sambutan yang amat mengalakkan terutamanya daripada masyarakat setempat.



Dato' Ibrahim bin Ismail, Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia bersama Zulkafli bin Ahmad, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis mendengar penerangan pegawai dari Bahagian Konservasi.



Kakitangan yang bertugas sedang menyusun atur meja pameran

20) Pameran Koleksi Terpilih Islam (Muzium Kota Kayang, Perlis)

Bagi memeriahkan lagi sambutan Karnival Muzium Kota Kayang pada 26 Disember 2014 sehingga 28 Disember 2014. Sebuah pameran yang bertajuk Pameran Koleksi Terpilih Islam juga turut diadakan. Pameran ini diadakan di galeri pameran sementara Muzium Kota Kayang yang menampilkan pelbagai koleksi terpilih Islam yang sangat unik dan sukar diperolehi. Antara koleksi yang dipamerkan di pameran ini adalah baju berayat, congkak burung petalawati, kain limar berayat dan lain-lain lagi. Pameran ini diadakan untuk memperlihatkan kehebatan kesenian Islam terhadap masyarakat umum. Pengunjung berpeluang melihat kehalusan seni Islam yang terdapat pada setiap koleksi yang dipamerkan malah pengunjung juga berpeluang melihat sendiri beberapa koleksi yang dianggarkan telah berusia lebih seratus tahun. Pameran ini mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada masyarakat terutamanya penduduk setempat. Menerusi pameran ini, masyarakat dapat melihat sendiri betapa hebatnya pengaruh Islam pada masa dahulu, dimana pengaruh itu dapat dilihat dalam semua aspek kehidupan termasuk budaya kebendaan.



Replika Mushaf Uthmani yang turut dipamerkan di dalam pameran ini.



Encik Zulkafli bin Ahmad, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis mendengar penerangan pegawai dari Bahagian Pameran dan Pengembangan



Gendang Dabakan dari masyarakat Islam Mindanao, Filipina.

KHIDMAT KEPAKARAN DALAM PAMERAN

Pemasangan Hiasan Booth Jabatan Muzium Malaysia

Majlis sambutan Rumah Terbuka Aidilfitri Peringkat Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia telah diadakan di Kompleks Kraf, Jalan Conlay, Kuala Lumpur. Acara ini diadakan bagi memupuk semangat perpaduan di kalangan masyarakat Malaysia dengan bersama-sama merayakan perayaan sesuatu kaum dalam suasana aman serta harmoni. Bagi acara ini, semua agensi termasuk Jabatan Muzium Malaysia yang berada di bawah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia turut terlibat sama menyertai majlis rumah terbuka ini. Sehubungan dengan itu, Bahagian Pameran dan Pengembangan ditugaskan untuk menghiasi booth Jabatan Muzium Malaysia dengan bertepatan sambutan Hari Kemerdekaan. Sepanjang majlis ini berlangsung, booth Jabatan Muzium Malaysia mendapat kunjungan dari pelbagai golongan masyarakat yang ingin mencuba hidangan bihun dan kuey teow sup sambil melihat hiasan booth yang begitu menarik sekali.



Tanda nama juadah-juadah yang disediakan oleh JMM



Kerja-kerja menghias booth oleh kakitangan JMM



Kakitangan Bahagian Pameran dan Pengembangan yang terlibat untuk kerja-kerja menghias booth JMM.



Kakitangan Jabatan Muzium Malaysia mula menghidangkan makanan.

KHIDMAT NASIHAT PERMUZIUMAN

Hospital Sungai Buloh, Selangor

Bahagian ini telah terlibat untuk memberi khidmat nasihat permuziuman kepada Hospital Sungai Buloh, Selangor bagi penubuhan Galeri Kusta. Khidmat nasihat yang diberi merangkumi pengurusan galeri dan teknik-teknik pameran.



PENDIDIKAN MUZIUM

PROFIL

Program Pendidikan Muzium dilaksanakan untuk mewujudkan kesedaran tentang pentingnya pemeliharaan dan pemuliharaan warisan sejarah dan kebudayaan negara. Selain itu, ia bertujuan mengubah persepsi masyarakat yang menganggap bahawa muzium adalah tempat untuk menyimpan dan mempamerkan koleksi artifak. Sekiranya tidak wujud program pendidikan muzium pastinya masyarakat akan sentiasa beranggapan sedemikian. Di antara program-program pendidikan muzium yang diadakan seperti bengkel, pertandingan, eksplorasi, pameran dan sebagainya. Program ini melibatkan pelbagai golongan dan peringkat umur samada kanak-kanak dan orang dewasa.

PENCAPAIAN AKTIVITI TAHUNAN

Pada tahun 2014, program pendidikan muzium adalah seperti berikut:

Bengkel “Mengenal Koleksi Budaya & Tradisi” sempena Hari Muzium Antarabangsa 2014

Bengkel “Mengenal Koleksi Budaya & Tradisi” sempena Hari Muzium Antarabangsa 2014 telah diadakan di Muzium Sultan Alam Shah, Shah Alam pada 16 Mei 2014 jam 2:30 hingga 5:30 petang. Bengkel ini menggabungkan empat buah bengkel serentak iaitu Bengkel ‘Permainan Tradisional’; ‘Labu Sayong’; ‘Ghazal & Zapin’ dan ‘Tengkolok’.



Karnival Muzium Negara 2014

Karnival ini diadakan bersempena program khas JMM iaitu karnival bergerak di seluruh negara yang diadakan bersempena Tahun Melawat Malaysia 2014. Karnival Muzium Negara telah diadakan pada 31 Januari – 2 Februari 2014.

Program Smart Kids 2014

Pada tahun ini, Muzium Negara juga telah terlibat dalam program Smart Kids yang telah diadakan pada 25 April hingga 27 April 2014 di Putra World Trade Centre (PWTC). Program pada kali ini menggabungkan Muzium Negara, Muzium Tekstil Negara, Muzium Alam Semulajadi, Bahagian Komunikasi Korporat dan Perpustakaan JMM dalam menawarkan pelbagai aktiviti berkonsepkan santai, libur, mesra dan lain-lain. Di antaranya termasuklah pertandingan melukis dan mewarna, jualan buku, kuiz, aktiviti permainan puzzle dan clay art. Dianggarkan lebih tiga ribu pengunjung dari pelbagai peringkat umur telah melawat gerai-gerai pameran JMM sepanjang program ini berlangsung.

Aktiviti di Ruang Penerokaan Muzium Negara

Selain aktiviti 'Treasure Hunt' atau 'Mencari Harta Karun' yang dijalankan di Galeri Pameran Tetap Muzium Negara juga mengatur dan melaksanakan pelbagai lagi acara dan aktiviti menarik bertempat di ruang khas bangunan Muzium Negara yang dipanggil sebagai "Ruang Penerokaan Muzium Negara" (Discovery Room). Pelbagai aktiviti menarik disediakan di sini termasuklah Bengkel Seni Kemahiran, Ekskavasi Manusia Perak, 'Malaysia Tanahairku', 'Mengenal Rempah-Ratus' dan sebagainya. Para peserta yang terlibat terdiri daripada para pelajar sekolah dari seluruh negara. Aktiviti ini juga sering diadakan pada hujung minggu khususnya pada musim cuti sekolah bagi menarik minat generasi muda terhadap muzium sebagai satu institusi yang mendidik dan menghiburkan. Sepanjang tahun ini sebanyak 35 aktiviti telah dijalankan di Ruang Penerokaan Muzium Negara.

Program Terokai Muzium Negara

Selaras dengan hasrat untuk membudayakan muzium sebagai pemangkin kepada pendidikan tidak formal dalam kalangan golongan pelajar, Muzium Negara telah mengadakan program 'out-reach' yang dinamakan sebagai "Terokai Muzium Negara". Tujuannya ialah untuk membentuk generasi muda yang lebih peka dan sensitif terhadap sejarah, budaya dan warisan negara di samping memberi ruang yang lebih terbuka kepada golongan pendidik dan profesional muzium untuk menerapkan kepentingan subjek sejarah dalam program yang memanfaatkan para pelajar. Program ini telah melibatkan sebanyak enam (6) buah sekolah iaitu Garden International School, Bukit Kiara (13 – 15 Okt. 2014) dan 5 buah sekolah di luar bandar di daerah Selangor yang terdiri daripada empat buah sekolah rendah dan sebuah sekolah menengah. Sekolah rendah yang terlibat ialah Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan

Cina Batang Kali (10 Nov. 2014); Sekolah Kebangsaan Ulu Yam Bharu (12 Nov. 2014); Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil, Ladang Semenyih (13 Nov. 2014) dan Sekolah Kebangsaan Semenyih (18 Nov. 2014). Manakala sekolah menengah ialah Sekolah Menengah Kebangsaan Sungai Choh, Rawang (5 Nov. 2014).

Syarahan Umum Dr. Masatoshi Sone

Jabatan Muzium Malaysia (JMM) menerusi Muzium Negara telah mengambil inisiatif untuk menganjurkan syarahan umum berkenaan penemuan fosil dinosaur di Malaysia dengan kerjasama dari Jabatan Geologi, Universiti Malaya pada 27 November 2014. Penceramah terdiri daripada ketua pasukan penyelidik iaitu Prof. Madya Dr. Masatoshi Sone. Syarahan umum ini diadakan bagi memberi peluang kepada orang ramai yang berminat terhadap penemuan fosil ini selain melihat sendiri fosil dinosaur yang ditemui menerusi pameran mini yang turut diadakan di ruang legar auditorium JMM. Program ini telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan dengan kehadiran hampir 300 orang peserta.



PENYELIDIKAN DAN PENERBITAN

PROFIL

Penyelidikan adalah salah satu bidang teras dalam perkhidmatan Jabatan Muzium Malaysia (JMM) yang memainkan peranan penting ke arah mencapai objektif JMM untuk memelihara, mengekal dan menyebarkan ilmu pengetahuan tentang warisan negara. Penyelidikan yang dijalankan di JMM terdiri daripada penyelidikan sejarah, budaya, alam semula jadi, pameran dan koleksi. Bahagian Penyelidikan berperanan mengukuh dan mengembangkan bidang penyelidikan, dokumentasi dan penerbitan bagi memartabatkan fungsi JMM sebagai institusi penyebaran ilmu pengetahuan dalam bidang pameran, koleksi, sejarah, budaya dan alam semula jadi negara.

Terdapat 3 jenis penyelidikan yang dijalankan di JMM dan menggunakan perkhidmatan di JMM iaitu penyelidikan yang dilaksanakan oleh kakitangan JMM sendiri, penyelidikan yang dilaksanakan secara kerjasama dengan pihak luar dan penyelidikan yang dijalankan oleh pihak luar untuk JMM.

Selain daripada penyelidikan, Bahagian Penyelidikan juga bertanggungjawab menyelaras segala urusan penerbitan am dan khas JMM, meliputi hasil kajian, penyelidikan, artikel dan karya kakitangan JMM mahupun pihak luar agar dapat dimanfaatkan oleh orang ramai dan memastikan setiap penerbitan Jabatan mengikut dasar dan garis panduan penerbitan yang telah ditetapkan.

PENYELIDIKAN

Penyelidikan yang dijalankan di JMM merangkumi penyelidikan pameran, sejarah, budaya, alam semula jadi dan koleksi.



PENCAPAIAN AKTIVITI TAHUNAN

Bagi tahun 2014, sebanyak lapan aktiviti penyelidikan telah dilaksanakan oleh JMM iaitu;




1. Evolusi Senjata Dan Kemanusiaan Sedunia
2. Koleksi Terpilih Raja-Raja Melayu
3. Batik Sarung : Warisan Kini & Selamanya
4. 40 Tahun Hubungan Diplomatik Malaysia - China
5. Penyelidikan Koleksi JMM Dalam Aspek Sejarah Simbolik : Burung
6. Sejarah 130 Tahun Muzium Perak (1883-2013)
7. Kebudayaan Dongson Khazanah Purba
8. Manik Untuk Kecantikan

Selain itu, JMM bertanggungjawab dalam menyelaras dan memantau penyelidikan yang dilaksanakan oleh penyelidik luar yang terdiri daripada pelajar IPTA/IPTS/agensi. Seramai 202 pelajar pelbagai bidang pengkhususan telah menjalankan penyelidikan di muzium-muzium di bawah pentadbiran JMM.

PENERBITAN

Penerbitan merupakan wahana penting bagi JMM dalam mengekal, mengumpul dan menyebarkan maklumat serta pengetahuan mengenai sejarah, budaya dan alam semula jadi Negara kepada masyarakat pembaca di seluruh dunia amnya seiring dengan matlamat, visi dan misi JMM.

Penerbitan JMM terdiri daripada penerbitan am dan penerbitan khas JMM meliputi hasil kajian, penyelidikan, artikel dan karya kaitangan JMM mahupun pihak luar agar dapat dimanfaatkan oleh orang ramai dan memastikan setiap penerbitan Jabatan mengikut dasar dan garis panduan penerbitan yang telah ditetapkan.



PENCAPAIAN AKTIVITI TAHUNAN

Pada tahun 2014, JMM telah menerbitkan 14 judul buku iaitu:

BIL	TAJUK	PENERANGAN
1	<i>Ancient Glassware in Malaysia</i>	Penerbitan kerjasama dengan EFEO mengenai jumpaan dan penyelidikan kaca di Pangkalan Bujang, Kedah
2	Seni Bina Malaysia: Warisan dalam Kepelbagaian	Buku umum yang memaparkan kepelbagaian seni bina di Malaysia secara am dan turut memperkenalkan Muzium Seni Bina Malaysia.
3	Muzium Negara – Penerokaan Sejarah dan Budaya	Buku yang menghimpunkan 10 kategori koleksi-koleksi istimewa Jabatan Muzium Malaysia khususnya dipamerkan di Muzium Negara
4	Laporan Tahunan 2013	Laporan pencapaian Jabatan Muzium Malaysia sepanjang tahun 2013
5	Berita JMM • Jilid 16 Bil 2/2014	Wadah penyebaran maklumat/berita jabatan, aktiviti kakitangan JMM
6	Senjata-senjata Melayu	Buku kecil yang mempunyai penerangan ringkas mengenai senjata-senjata pendek di Alam Melayu (cetak ulang ketiga)
7	Keris Melayu	Buku kecil mengenai keris Melayu (cetak ulang ketiga)
8	<i>Paper Currency of Malaysia, Singapore and Brunei (1849-1970)</i>	Buku tentang mata wang kertas di Malaysia, Singapura dan Brunei sekitar tahun 1849-1970 (cetak ulang kedua)

BIL	TAJUK	PENERANGAN
9	<i>Coins of North Malaya</i>	Buku kecil yang mengandungi penerangan tentang duit syiling di negeri-negeri Melayu di utara termasuklah di Kedah, Kelantan dan Terengganu (ulang cetak kedua)
10	<i>Mah Meri Sculpture</i>	Buku kecil yang mengandungi penerangan ringkas serta deskripsi ukiran Mah Meri seperti koleksi patung dan topeng yang terdapat di Muzium Negara (cetak ulang kedua)
11	Majlis Perasmian pameran senjata dan risalah pameran Evolusi Senjata dan Kemanusiaan Sedunia	Buku program aturcara sempena perasmian pameran pada 18 Nov 2014
12	Majlis Menandatangani MoU antara JMM dengan Universiti Malaya dan Universiti Pendidikan Sultan Idris	Buku program aturcara sempena Majlis Menandatangani MoU antara JMM dengan Universiti Malaya dan Universiti Pendidikan Sultan Idris pada 5 Dis 2014
13	Majlis Perasmian Pameran Khazanah dari Istana Musim Panas	Buku program aturcara sempena perasmian Pameran Khazanah dari Istana Musim Panas pada 17 Dis 2014
14	Batik Sarung Warisan Kini dan Selamanya	Buku penerangan ringkas mengenai batik sarung dan pameran yang berlangsung di Muzium Tekstil Negara

DIARI KORPORAT

PROFIL

Program pemasaran muzium dan khidmat seranta dijalankan secara berjadual oleh Jabatan Muzium Malaysia bertujuan mempromosi dan menggalakkan masyarakat mengunjungi muzium. Jabatan Muzium Malaysia melalui Bahagian Komunikasi Korporat telah merancang dan melaksanakan pelbagai inisiatif dan program bagi mempromosikan muzium pameran dan aktiviti muzium melalui pelbagai wadah komunikasi antaranya termasuklah televisyen, radio, majalah, akhbar, poster, emel, kad, brosur dan pamflet, papan iklan, risalah, laman sesawang, pemasaran atas talian serta melalui blog dan facebook JMM.



MAJLIS PERASMIAN PAMERAN EVOLUSI SENJATA DAN KEMANUSIAAN SEDUNIA PADA 18 NOVEMBER 2014

Bersempena dengan Tahun Melawat Malaysia 2014, Jabatan Muzium Malaysia telah merealisasikan pameran mega iaitu Pameran Evolusi Senjata dan Kemanusiaan Sedunia yang bermula dari 20 September 2014 hingga 20 Februari 2015. Pameran ini menghimpunkan lebih 1000 koleksi senjata dari zaman pra sejarah hingga zaman moden. Pada 18 November 2014 telah diadakan dengan jayanya majlis perasmian pameran oleh YB. Dato' Seri Mohamad Nazri bin Tan Sri Abdul Aziz, Menteri Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia di Dataran Muzium Negara. Acara perasmian telah dimulakan seawal jam 9.00 pagi di tapak parkir awam Muzium Negara dengan persembahan gabungan pelbagai jenis seni mempertahankan diri Melayu, Cina dan India. Perasmian ini telah merekodkan kehadiran lebih kurang 300 tetamu yang terdiri daripada pelbagai lapisan antaranya Ketua Agensi, Pesara dan pelajar.

SIDANG MEDIA PAMERAN KOLEKSI TERPILIH RAJA-RAJA MELAYU SIRI 2

Pameran Koleksi Terpilih Raja-Raja Melayu Siri 2 telah dibuka secara umum pada 1 Disember hingga 1 Mac 2015 yang menonjolkan kepelbagaian koleksi dua orang Raja Melayu iaitu DYMM Yang DiPertuan Besar Negeri Sembilan dan DYMM Sultan Kelantan. Bagi mempromosikan pameran ini kepada masyarakat satu sidang media yang disempurnakan oleh YBhg. Dato Ibrahim bin Ismail, Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia telah diadakan pada 1 Disember 2014 di Muzium DiRaja yang dihadiri oleh media elektronik dan cetak tempatan.

KARNIVAL BERSAMA MUZIUM @ MUZIUM LUKUT

Penganjuran karnival oleh Jabatan Muzium Malaysia telah diteruskan di Muzium Lukut, Negeri Sembilan. Karnival yang telah berlangsung selama tiga hari dipenuhi dengan pelbagai aktiviti menarik antaranya persembahan



kebudayaan, pertandingan mewarna, ceramah agama oleh Timbalan Mufti Negeri Sembilan, perarakan motor berkuasa tinggi dan sebagainya. Sebagaimana lazimnya gerai jualan dan pameran dari pelbagai agensi seperti Lembaga Muzium Negeri Sembilan, Muzium Tentera Darat, Pejabat Kesihatan, Perkeso dan sebagainya turut mengambil bahagian. Karnival ini telah dirasmikan pada 6 Disember 2014, 11.00 pagi oleh En. Wan Jamaluddin bin Wan Yusoff, Timbalan Ketua Pengarah (Permuziuman) yang turut dihadiri oleh wakil-wakil agensi setempat.

MAJLIS PERASMIAN PAMERAN WARNA TRADISIONAL DI MUZIUM ALAM SEMULAJADI

Kolaborasi dan kerjasama erat antara Jabatan Muzium Malaysia dengan Japan Foundation telah berjaya diterjemahkan melalui penganjuran Pameran Warna Tradisional di Muzium Alam Semulajadi dari 13 Disember 2014 hingga 11 Januari 2015. Pameran ini memaparkan hasil usaha pakar Encik Sachio Yoshioka sebanyak 36 fabriks yang menggunakan tumbuh-tumbuhan sebagai bahan dalam menghasilkan warna. Pada 12 Disember 2014 telah diadakan majlis perasmian oleh YBhg. Dato Ibrahim bin Ismail, Ketua Pengarah Jabatan Muzium

Malaysia pada jam 4.00 petang yang turut dihadiri oleh Pengarah Japan Foundation, Encik Sachio Yoshioka, pegawai-pegawai Jabatan Muzium Malaysia dan media.

HARI KELUARGA KPK @ TAMAN EQUESTRIAN, PUTRAJAYA

Jabatan Muzium Malaysia, Pejabat Kementerian Pelancongan Kuala Lumpur/Putrajaya, Bahagian Kewangan, MyCeb telah dipilih menganggotai rumah Pink sempena dengan Hari Keluarga, KPK. Selain itu Jabatan Muzium Malaysia juga telah dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Jemputan dan Publisiti. Sempena dengan hari keluarga ini pelbagai acara sukaneka telah diadakan antaranya ialah pertandingan tarik tali, bayi comel dan sebagainya. Penglibatan kakitangan Jabatan Muzium Malaysia adalah amat memberangsangkan dengan penyertaan lebih kurang 50 orang. Rumah Pink telah menjadi johan dalam pertandingan tarik tali. Perasmian telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Dr. Ong Hong Peng, Ketua Setiausaha, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia.





PERASMIAN PAMERAN KHAZANAH DARI ISTANA MUSIM PANAS

YB. Dato' Seri Mohamad Nazri bin Tan Sri Abdul Aziz, Menteri Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia sekali lagi dengan berbesar hati merasmikan Pameran Khazanah Dari Istana Musim Panas pada 17 Disember 2014. Perasmian ini turut dihadiri oleh wakil dari Arts Exhibition China dan Istana Musim Panas. Pameran ini diadakan bersempena dengan hubungan 40 tahun Malaysia-China yang memaparkan 84 koleksi utama dari Istana Musim Panas. Bersempena dengan perasmian ini pelbagai aktiviti menarik telah diadakan antaranya ialah Jualan barangan dari masyarakat Cina di Kuala Lumpur dan persembahan kebudayaan iaitu 12 gendang Cina dan paluan rebana ubi.





PERASMIAN PAMERAN BATIK SARUNG; WARISAN KINI DAN SELAMANYA

Muzium Tekstil Negara secara rasminya telah berjaya melaksanakan pameran Batik Sarung; Warisan Kini dan Selamanya dari 23 Disember 2014 hingga 30 Mac 2015. Perasmian pameran ini telah disempurnakan oleh Yang DiPertua Puspanita Kebangsaan iaitu Puan Sri Datuk Rohani bt Abdullah yang juga merupakan Isteri Ketua Setiausaha Negara. Pelbagai acara menarik telah diatur sepanjang perasmian ini antaranya demonstrasi membuat blok batik, jualan produk berasaskan batik dan kemuncaknya ialah penyampaian sijil penghargaan kepada penyelidik pameran Batik Sarung dan 3 orang pemakai batik tegar dari masyarakat Melayu, Cina dan India.



KARNIVAL BERSAMA MUZIUM @ MUZIUM NEGARA

Jabatan Muzium Malaysia dalam rangka mempromosikan Tahun Melawat Malaysia 2014 telah merencanakan pelbagai program antaranya ialah Karnival Bersama Muzium Negara. Karnival ini bermula pada 31 Januari 2014 hingga 3 Februari 2014. Pelbagai aktiviti menarik telah diadakan sepanjang tiga hari karnival ini antaranya pameran kerjaya, jualan buah-buahan, jualan herba, jualan manik, persembahan kebudayaan.



SIDANG MEDIA HARI MUZIUM ANTARABANGSA 2014

Hari Muzium Antarabangsa yang diraikan oleh muzium-muzium seluruh dunia pada 18 Mei setiap tahun adalah hasil resolusi Persidangan Majlis Muzium Antarabangsa ke-12 pada tahun 1977. Perayaan tahunan ini merupakan hari yang memberi pengertian besar kepada dunia permuziuman sejagat dalam usaha untuk menarik perhatian umum terhadap program dan aktiviti muzium. Pada tahun ini, ICOM telah menetapkan bahawa tema perayaan Hari Muzium Antarabangsa 2014 ialah "Museum Collections Make Connections". Tema ini mengingatkan kita kepada kepentingan koleksi yang memainkan peranan dalam menghidupkan jalinan hubungan antara pelawat muzium, generasinya dan pertukaran kebudayaan di serata dunia. Pelbagai program telah dirancang dan dilaksanakan sepanjang tempoh ini termasuklah pameran, seminar, bengkel, sukan, riadah, aktiviti kemasyarakatan dan keagamaan. Pada 17 Mei 2014, Majlis Perasmian Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan 2014 telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Hj. Ab. Ghaffar bin A. Tambi, Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan) Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia di Dataran Kemerdekaan Shah Alam, Selangor.



KARNIVAL BERSAMA MUZIUM @MUZIUM KOTA KAYANG

Muzium Kota Kayang, Perlis telah menjadi lokasi terakhir diadakan Karnival Bersama Muzium. Bersempena dengan penganjurannya pelbagai acara menarik telah dibuat antaranya ialah jualan dan pameran oleh agensi kerajaan, pertandingan burung merbah jambul dan murai batu, pertandingan masakan, cili giling, sukaneka dan suara retro. Perasmianya telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Ibrahim bin Ismail, Ketua Pengarah, Jabatan Muzium Malaysia pada 27 Disember 2014, 10.00 pagi. Turut hadir ialah Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis, Encik Zulkafli Ahmad yang mewakili Menteri Besar Perlis.



SIDANG MEDIA PAMERAN MANIK UNTUK KECANTIKAN

Sidang media sempena dengan pameran manik untuk kecantikan telah diadakan pada 23 Januari 2014. Puluhan media cetak dan elektronik telah datang bagi memberikan liputan berkaitan dengan pameran ini. Pameran ini berlangsung dari 15 Januari hingga 31 Mac 2014 yang memaparkan kepelbagaian jenis manik dan kegunaannya kepada masyarakat di Malaysia. Selain itu turut diadakan jualan manik oleh pengusaha manik dari Sabah dan Sarawak. Pameran ini telah mendapat sambutan hangat dari pelawat dalam dan luar Negara.



PROGRAM DAN AKTIVITI JMM WILAYAH

Pameran dan Pengembangan ●





PROGRAM DAN AKTIVITI JMM WILAYAH

PROFIL

Jabatan Muzium Malaysia mempunyai 21 buah muzium di bawah pentadbirannya. Muzium-muzium tersebut dibahagikan kepada zon seperti yang berikut:

1. JMM Wilayah Tengah
2. JMM Wilayah Selatan
3. JMM Wilayah Utara
4. JMM Wilayah Timur dan
5. JMM Wilayah Labuan

JMM Wilayah tengah terdiri daripada Muzium Perak dan Muzium Matang, manakala JMM Wilayah Selatan terdiri daripada Muzium Seni Bina Malaysia, Muzium Lukut, dan Muzium Kota Johor Lama. Muzium Kota Kuala Kedah, Muzium Kota Kayang dan Muzium Arkeologi Lembah Bujang merupakan muzium-muzium di bawah pentadbiran JMM Wilayah Utara. JMM Wilayah Timur mempunyai sebuah muzium sahaja, iaitu Muzium Sungai Lembang. Manakala JMM Wilayah Labuan pula terdiri daripada Muzium Labuan, Muzium Chimney dan Muzium Marin Labuan.

JMM Wilayah bertanggungjawab menjalankan tugas yang sama seperti yang dijalankan di Ibu Pejabat Kuala Lumpur. Bezanya ialah program/aktiviti yang dilaksanakan oleh JMM Wilayah adalah dalam skala yang lebih kecil selari dengan peruntukan yang ada dan tenaga kerja yang kecil berbanding dengan Ibu Pejabat.

Secara dasarnya, tugas utama muzium-muzium di JMM Wilayah ini adalah berkaitan dengan objektif JMM, iaitu menyebarkan ilmu pengetahuan melalui aktiviti pameran, program pendidikan dan pengembangan, di samping menjalankan aktiviti penyelidikan dan perolehan koleksi. Aktiviti ini termasuklah mengadakan forum, bengkel, seminar dan lawatan berpandu ke galeri-galeri pameran.



Muzium-muzium di JMM Wilayah turut menerima undangan daripada agensi-agensi kerajaan lain dalam mendapatkan khidmat nasihat berkenaan pameran, malahan menjadi tempat rujukan untuk aktiviti penyelidikan terutamanya daripada pelajar-pelajar sekolah dan IPTA.

PENCAPAIAN AKTIVITI TAHUNAN

Pada tahun 2014, JMM Wilayah telah berjaya melaksanakan beberapa program pendidikan, pengembangan dan pameran selaras dengan visi, misi dan objektif JMM serta melepasi KPI yang ditetapkan oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan.

Pendidikan Muzium

JMM Wilayah sentiasa melaksana pelbagai program pengembangan pendidikan bagi menyebarkan ilmu pengetahuan yang berkaitan dengan sejarah, budaya dan alam semulajadi negara kepada masyarakat. Program pengembangan pendidikan ini meliputi lawatan

berpandu ke galeri pameran, seminar, bengkel, forum, pertandingan melukis, kuiz dan lain-lain. Sebanyak 37 program pengembangan pendidikan telah berjaya dilaksanakan di Muzium-muzium JMM Wilayah.

Bil	Aktiviti	Tarikh	Tempat
1	Karnival Sempena Pendaftaran Puteri Umno Negeri Perak.	18 Januari 2014	Muzium Perak
2	Jejak Warisan Muzium Arkeologi Lembah Bujang Dan Gunung Jerai	31 Dis – 2 Jan 2014	Muzium Arkeologi Lembah Bujang
3	Jom Senam Seni Bersama Muzium Arkeologi Lembah Bujang	26 Januari 2014	Muzium Arkeologi Lembah Bujang
4	Karnival Bersama Muzium Perak (Siri Pertama)	28 Februari - 2 Mac 2014	Muzium Perak
5	Program Kuiz Kenali Muzium Matang	07 Febuari 2014	Muzium Matang
6	Program Kenali Muzium Bersama Murid-Murid Prasekolah	21 Febuari 2014	Muzium Kota Kuala Kedah
7	Kembara Jejak Warisan Muzium Arkeologi Lembah Bujang Dan Gunung Jerai 'Saya Anak Malaysia' Maktab Rendah Sains MARA, Gerik Perak	21 – 22 Februari 2014	Muzium Arkeologi Lembah Bujang
8	Pertandingan Memancing Anjuran Muzium Kota Kuala Kedah	08 Mac 2014	Muzium Kota Kuala Kedah
9	Program Larian Merentas Desa Dan Pertandingan Kuiz Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Pei Shih, Kuala Kedah Bersama Muzium Kota Kuala Kedah.	21 Mac 2014	Muzium Kota Kuala Kedah
10	Program Perkhemahan Kepimpinan Pelajar Maktab Rendah Sains MARA Merbok, Kedah	06 – 08 Mac 2014	Muzium Arkeologi Lembah Bujang
11	Program Jejak Sejarah Labuan Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL)	09 Mac 2014	Muzium Chimney
12	Pengunjung Bertuah Ke-15,000 Muzium Labuan	17 April 2014	Muzium Labuan


Bil	Aktiviti	Tarikh	Tempat
13	Program Jom Santai di Muzium Seni Bina Malaysia	21 April 2014	Muzium Seni Bina Malaysia
14	Pameran Sempena Program Kaunter Aduan Bergerak Bersepadu (Kabb) Anjuran Biro Pengaduan Awam, Jabatan Perdana Menteri Dan Lembaga Pembangunan Langkawi	28 April 2014	Galeria Perdana
15	Penggambaran Program Jaguh Kampung Terbitan Astro.	08 -10 Mei 2014	Muzium Kota Kuala Kedah
16	Peraduan Kuiz Sejarah	18 Mei 2014	Muzium Labuan
17	Program Jalinan Kasih	9 Mei 2014	Muzium Labuan
18	Pameran Bergerak Ke Sekolah	19 & 20 Mei 2014	Muzium Labuan
19	Program Khidmat Komuniti & Khidmat Sosial Kem PLKN Damai Park Bersama Muzium Arkeologi Lembah Bujang	10 Mei 2014	Muzium Arkeologi Lembah Bujang
20	Karnival Bersama Muzium Arkeologi Lembah Bujang	24 – 25 Mei 2014	Muzium Arkeologi Lembah Bujang
21	Pertandingan Karaoke Bintang Kuala Kedah	17 - 24 Mei 2014	Muzium Kota Kuala Kedah
22	Program Ceria@Muzium	28 Mei 2014	Muzium Perak
23	Pameran Sempena Bulan Kemerdekaan	18 Ogos 2014	Muzium Perak
24	Program lawatan mesra media Bersama Muzium Arkeologi Lembah Bujang	11 – 13 Ogos 2014	Muzium Arkeologi Lembah Bujang
25	Program Jejak Sejarah Bersama MOTAC WP Labuan	15 Ogos 2014	Muzium Labuan
26	Program Mencanting Jalur Gemilang	27 Ogos 2014	Muzium Perak
27	Program Muzium Bersama Rakyat	28 Ogos 2014	Muzium Etnologi Dunia Melayu
28	Out-Reach Program Di Sekolah Menengah Permaisuri Bainun	27 September 2014	Muzium Perak
29	Program Hari Potensi Tabika Kemas DUN Kubang Rotan	04.09.2014	Muzium Kota Kuala Kedah



LAPORAN PRESTASI KEWANGAN

Prestasi Perbelanjaan Mengurus ●

Pembangunan Prestasi Perbelanjaan ●



LAPORAN PRESTASI KEWANGAN

Objektif

- Menyediakan perancangan dan kawalan pengurusan kewangan yang cekap dan berkesan di Jabatan Muzium Malaysia seiring dengan permodenan aktiviti permuziuman dalam mengekal, memelihara dan menyebarkan maklumat warisan sejarah dan kebudayaan negara.
- Menyelaras dan menguruskan segala perbelanjaan di bawah peruntukan belanja mengurus bagi dasar sedia ada, dasar baru dan juga 'one off' bagi Jabatan Muzium Malaysia (JMM).

Peruntukan Jabatan Muzium Malaysia (JMM)

Secara keseluruhannya JMM telah diperuntukkan sebanyak RM 79,939,887.15 di bawah peruntukan belanja mengurus bagi tahun 2014. Sebanyak RM 37,336,798.00 adalah diperuntukkan kepada Lembaga Muzium Negeri di bawah Pemberian Bantuan Kewangan Kerajaan Persekutuan Kepada Lembaga Muzium Negeri dan Muzium Kesenian Islam di mana JMM adalah Jabatan yang telah diberi tanggungjawab untuk menyalurkan peruntukan tersebut kepada agensi yang berkenaan.

Prestasi Perbelanjaan Mengurus Mengikut Butiran jenis Perbelanjaan bagi Tahun 2014

Bagi tahun 2014, perbelanjaan keseluruhan peruntukan adalah sebanyak RM 80,659,774.23 atau 100.90%. Pecahan tertinggi adalah daripada perbelanjaan emolumen iaitu sebanyak RM 17,757,570.21. Jadual di bawah menunjukkan jumlah peruntukan dan peratusan perbelanjaan mengikut maksud perbelanjaan.

MAKSUD PERBELANJAAN	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)	JUMLAH PERBELANJAAN (RM)	PERATUSAN PERBELANJAAN (%)
Emolumen	17,757,700.00	17,757,558.21	100.00
Perkhidmatan dan Bekalan	21,636,102.00	21,627,382.41	99.96
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	37,521,226.00	37,521,226.00	100.00



Prestasi Perbelanjaan Pembangunan Jabatan Muzium Malaysia bagi Tahun 2014

Bagi Tahun 2014, Jabatan telah diperuntukkan sebanyak RM 600,000.00 di bawah Peruntukan Pembangunan bagi pelaksanaan projek-projek pembangunan RMK-10. Berikut adalah senarai muzium yang terlibat di bawah projek pembangunan tersebut:

BIL	MUZIUM	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)	JUMLAH PERBELANJAAN (RM)	PERATUSAN PERBELANJAAN (%)
1	Muzium Negara - Pengubahsuaian Dataran Istana Satu Muzium Negara, JMM	400,000.00	386,365.50	96.59
2	Muzium Sungai Lembing - Kerja-kerja membina bumbung untuk laluan pejalan kaki dari kaunter tiket ke Muzium Sungai Lembing	200,000.00	176,450.00	88.23
KESELURUHAN		600,000.00	562,815.50	93.80

**DIREKTORI MUZIUM-MUZIUM
JABATAN MUZIUM MALAYSIA**





Direktori Muzium-Muzium Di Bawah JMM



Muzium Negara

Jalan Damansara, 50566 Kuala Lumpur.

No Telefon : 03-22671000

No Faks : 03-2282 6434

<http://www.muziumnegara.gov.my>

Upacara perasmian Muzium Negara telah disempurnakan oleh ke Bawah DYMM Tuanku Syed Putra Al-Haj ibni Al-Marhum Syed Hassan Jamalullail Yang di Pertuan Agong Ketiga. Seni bina muzium ini berasaskan seni bina Istana Raja-raja Melayu dan mempunyai empat buah galeri utama.

Muzium Etnologi Dunia Melayu

Jalan Damansara, 50566 Kuala Lumpur.

No Telefon : 03-2282 7399

No Faks : 03-2282 7294

<http://www.jmm.gov.my/ms/museum/muzium-etnologi-dunia-melayu>

Pengumpulan koleksi meliputi pelbagai jenis seperti tekstil, senjata, ukiran, alat logam dan teknologi, perhiasan diri, alat muzik dan sebagainya. Koleksi-koleksi yang terbaik dan unggul serta sukar diperolehi ini dikumpulkan dari beberapa buah negara seperti Malaysia, Indonesia, Thailand, Filipina, Kemboja, Vietnam, Afrika Selatan, Madagaskar dan lain-lain negara seluruh dunia termasuk rumpun Melayu Polenesia yang unik dan menarik



Muzium Kraf Orang Asli

Jabatan Muzium Malaysia, Jalan Damansara, 50566 Kuala Lumpur.

No Telefon : 603-2282 6255 samb.171

No Faks : 603-2282 7294 / 2287 1275

<http://www.jmm.gov.my/ms/museum/muzium-kraf-orang-asli>

Perlaksanaan Galeri Seni Kraf Orang Asli di bawah rancangan Malaysia ke-8 bertujuan menggerakkan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan segala aspek kehidupan masyarakat Orang Asli serta membantu mengekal dan memelihara warisan Budaya Masyarakat Orang Asli di seluruh Semenanjung Malaysia terutamanya. Peranannya bertumpu kepada aspek-aspek kesenian yang terdapat pada bahan-bahan hasil ciptaan masyarakat Orang Asli.

Muzium Automobil Nasional

Litar Antarabangsa Sepang Jalan Pekeliling
64000 KLIA Sepang
No Telefon : 03-8787 4759
No Faks : 03-8787 3732
<http://www.jmm.gov.my/ms/museum/muzium-automobil-nasional>

Muzium Automobil Nasional yang terletak di Welcome Centre Litar Antarabangsa Sepang dengan mempunyai keluasan ruang pameran 7,949 kaki persegi bagi tingkat bawah dan 10,577 kaki persegi untuk tingkat satu. Ruang pameran tingkat bawah memaparkan segmen pengenalan Muzium Automobil Nasional serta sejarah perkembangan sistem pengangkutan Malaysia dan kemasukan kereta-kereta terawal



Muzium Labuan

Jabatan Muzium Malaysia Wilayah Labuan, U 0364,
Jalan Dewan, 87008 Wilayah Persekutuan Labuan.
No Telefon : 087-414 135
No Faks : 087-414 462
<http://www.jmm.gov.my/ms/museum/muzium-labuan>

Dibuka secara rasminya kepada orang ramai pada 8 Oktober 2004 dengan upacara perasmian disempurnakan oleh YB Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim. Kerja-kerja konservasi bangunan yang pada asalnya merupakan sebuah bangunan dari era kolonial ini telah bermula pada tahun 1997 diikuti dengan kerja-kerja pembinaan hiasan dalaman dan pengisian pada tahun 2002.



Muzium Marin Labuan

Jabatan Muzium Malaysia Wilayah Labuan, Kompleks Sukan Air Antarabangsa Labuan, Jalan Tanjung Purun, 87008 Wilayah Persekutuan Labuan.
No Telefon : 087-425 927
No Faks :
<http://www.jmm.gov.my/ms/museum/muzium-marin-labuan>

Muzium Marin Labuan sempurna dirasmikan oleh Y.A.B. Dato' Paduka Abdul Kadir B. Sheikh Fadzir pada tanggal 26 Januari 2003. Muzium yang telah dirancang penubuhannya pada awal tahun 1990-an hanya dapat direalisasikan pada tahun 2000 apabila Perbadanan Labuan menawarkan tapak dan bangunan di Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan. Kerja-kerja pengisian bermula pada Ogos 2001 dan siap sepenuhnya pada Julai 2002.



Muzium Chimney

Lot 2 Tingkat Bawah, Bangunan Tabung Haji
 Jalan Kesuma 87008 Wilayah Persekutuan Labuan
 No Telefon : 087-463 603
 No Faks : 087-414 462
<http://www.jmm.gov.my/ms/museum/muzium-chimney>

Terdiri daripada 2 komponen di tapak bersejarah Chimney, iaitu bangunan Pusat Informasi Chimney (PIC) dan Menara Chimney. PIC berfungsi sebagai sebuah muzium tapak yang mempamerkan sejarah awal Tanjung Kubong, sejarah perlombongan arang batu Labuan sejak 1847.



Muzium Arkeologi Lembah Bujang

242 A, Bangunan Dispensari Lama
 08400 Pekan Merbok, Kedah
 No Telefon : 04-457 2005
 No Faks : 04-457 4635
<http://www.jmm.gov.my/ms/museum/muzium-arkeologi-lembah-bujang>

Muzium Arkeologi Lembah Bujang merupakan satu-satunya Muzium di Malaysia yang mempamerkan koleksi arkeologi yang membuktikan kewujudan pusat perdagangan antarabangsa dan perkembangan agama Hindu Buddha di Asia Tenggara kurun ke 3 masehi hingga ke 12 masehi. Muzium Arkeologi Lembah Bujang telah dibuka dengan rasminya pada 23 Januari 1980 oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan Almu'tasimu Muhibuddin Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah ibni Almarhum Sultan Badlishah, Sultan Kedah Darul Aman.

Muzium Kota Kuala Kedah

Jabatan Muzium Malaysia (Wilayah Utara)
 Kampung Seberang Kota 06600 Kuala Kedah
 Kedah Darul Aman.
 No Telefon : 04-741 2152 No Faks : 04-741 9297
<http://www.jmm.gov.my/ms/museum/muzium-kota-kuala-kedah>

Kota Kuala Kedah atau Kota Kuala Bahang terletak di tebing utara muara sungai Kedah. Reka bentuk kota ini telah dilukis oleh Hafiz Sab yang ketika itu menjawat jawatan Dato' Maharaja Kadh. Pada 31 Ogos 1978 kota ini telah diwartakan oleh Jabatan Muzium dan Antikuiiti (sekarang Jabatan Muzium Malaysia) sebagai "Tapak Tanah Bersejarah" mengikut peruntukan "Akta Benda Purba 1976" di bawah akta 165.





Muzium Kota Kayang

Muzium Kota Kayang
 Al-Marhum Kayang, Kuala Perlis, 02000 Perlis
 No Telefon : 04-977 0027
 No Faks : 04-978 2678
<http://www.jmm.gov.my/ms/museum/muzium-kota-kayang>

Terletak bersekitaran Bukit Kayang, Bukit Lambong Panah, Bukit Jagat Hutang, Bukit Wai dan Bukit Menara dalam mukim Kayang iaitu berhampiran terusan buatan manusia yang tertua di Semenanjung. Terdapat tiga galeri iaitu galeri am yang mempamerkan kronologi pembinaan Kota Kayang, peralatan harian golongan bangsawan di Perlis, galeri arkeologi yang mempamerkan hasil penyelidikan Kota Kayang dan sekitar negeri Perlis serta galeri Kedah/Perlis yang mempamerkan salasilah diraja negeri Perlis bermula dari Nabi Muhammad s.a.w dan replika bunga emas, kesan pendudukan penjajah dan pelbagai koleksi yang menarik.

Galeria Perdana

Jalan Ayer Hangat, Mukim Kilim, 07000 Langkawi Kedah Darul Aman.

No Telefon : 04-959 1498

No Faks : 04-959 1819

<http://www.jmm.gov.my/ms/museum/galeria-perdana>

Penubuhan Galeria Perdana merupakan idea Tun Dr Mahathir bin Mohamad ketika beliau menjadi Perdana Menteri Malaysia. Keunikan galeri ini ialah ianya dibangunkan bagi berkongsi dengan masyarakat pelbagai penghargaan, cenderamata dan hadiah Tun Mahathir dan isteri yang diterima daripada pemimpin-pemimpin dunia, ketua-ketua negara dan pembesar-pembesar negara ketika beliau menjadi perdana menteri Malaysia



Muzium Perak

Muzium Perak Jalan Taming Sari, Taiping, 34000 Perak.

No Telefon : 05-807 2057

No Faks : 05-806 3643

<http://www.jmm.gov.my/ms/museum/muzium-perak>

Muzium ini merupakan muzium yang tertua di Semenanjung Malaysia. Ia terletak di bandar Taiping, kira-kira 85 km dari Ipoh, ibu negeri bagi negeri Perak. Ia juga berhampiran dengan Penjara Taiping dan lebih kurang 1.5 km dari pusat bandar. Kebanyakan koleksi terawal muzium ini adalah bahan-bahan etnologi dan antropologi. Kemudian, koleksi geologi, botani dan entamobologi menjadi spesimen tambahannya.

Muzium Matang

Muzium Matang Kota Ngah Ibrahim Matang,
Taiping 34750 Perak.

No Telefon : 05-847 7970

No Faks : 05-847 7757

<http://www.jmm.gov.my/ms/museum/muzium-matang>

Muzium Sejarah Matang(dahulunya dikenali sebagai Kompleks Sejarah Kota Ngah Ibrahim) yang terletak di Bukit Gantang, Matang (dulu Permatang), Perak, telah dibina oleh Ngah Ibrahim yang bergelar Orang Kaya Menteri Paduka Tuan adalah anak kepada Cek Long Jaffar orang Melayu pertama tahun 1840 membuka perusahaan lombong bijih timah di kawasan Larut, Matang dan Selama.



Muzium Sungai Lembing

Ibu Pejabat Jabatan Muzium Malaysia (Wilayah Timur),
Sungai Lembing, 26200 Pahang.

No Telefon : 09-541 2377 / 2378

No Faks : 09-541 2377

<http://www.jmm.gov.my/ms/museum/muzium-sungai-lembing>

Muzium Sungai Lembing ditubuhkan bagi mengimbuai zaman kegemilangan Sungai Lembing sebagai bandar terkaya pengeluar bijih timah utama di negeri Pahang. Pada suatu ketika dahulu, bandar ini seumpama EL-Dorado Timur di Tanah Melayu kerana di sinilah terletaknya sebuah perkampungan pegawai Inggeris yang istimewa di Lembah Sungai Kenau.

Muzium Lukut

Lot 730, Kota Lukut,

71010 Port Dickson, Negeri Sembilan Darul Khusus.

No Telefon : 06-651 2954

No Faks : 06-651 5270

<http://www.jmm.gov.my/ms/museum/muzium-lukut>

Muzium ini dibina oleh Jabatan Muzium dan Antikuiti (kini Jabatan Muzium Malaysia) dengan kerjasama Kerajaan Negeri Sembilan. Ia dirasmikan oleh Y.A.B Dato' Seri Utama Tan Sri Hj. Mohd. Isa Bin Dato' Abdul Samad pada 9 April 1999. Ia dibina sebagai satu tanggungjawab menyebarkan maklumat sejarah dan budaya di Negeri Sembilan untuk ditatapi oleh masyarakat tempatan, para pelancong luar negara serta para pelajar dan penyelidik sejarah.



Muzium Kota Johor Lama

Jabatan Muzium Malaysia (Wilayah Selatan)
 Lot 1468, Kampung Johor Lama
 81940 Kota Tinggi Johor Darul Takzim.
 No Telefon : 07-883 1498
 No Faks : 06-286 5092
<http://www.jmm.gov.my/ms/museum/muzium-kota-johor-lama>

Pembinaan muzium ini bermula pada bulan Ogos 2004 dan siap sepenuhnya pada bulan Februari 2007. Muzium ini mula dibuka kepada umum pada bulan Oktober 2007.



Muzium Seni Bina Malaysia

Jabatan Muzium Malaysia (Wilayah Selatan)
 No. 1, Jalan Kota, 75000 Melaka.
 No Telefon : 06-288 1450 / 3599
 No Faks : 06-288 3826
<http://www.jmm.gov.my/ms/museum/muzium-seni-bina-malaysia>

Muzium Seni Bina Malaysia mula dibuka kepada umum pada bulan September 2005. Objektif utama penubuhannya adalah untuk mempamerkan keunikan warisan seni bina yang terdapat di Malaysia. Selain daripada menjadi satu lagi destinasi pelancongan, muzium ini juga turut menekankan aspek pendidikan dengan menyediakan pusat sumber sebagai tempat rujukan mengenai warisan seni bina yang terdapat di Malaysia.



Muzium Adat

Jabatan Muzium Malaysia 196, Jalan Dato' Umbi, 71600
 Kuala Klawang, Jelebu, Negeri Sembilan Darul Khusus.
 No Telefon : 06-613 6586 / 6621
 No Faks : 06-613 6664
<http://www.jmm.gov.my/ms/museum/muzium-adat>

Penubuhan Muzium Adat yang pertama seumpamanya di Malaysia ini adalah cetusan idea Yang Berhormat Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia. Majlis perasmian pembukaan Muzium Adat ini telah diadakan pada 2 Februari 2008 oleh Undang Luak Jelebu, Dato' Mendika Menteri Akhirulzaman Dato' Musa bin Wahab bersama-sama dengan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim dan juga Menteri Besar Negeri Sembilan, Dato' Seri Utama Mohamad Hasan.



Muzium Alam Semulajadi

Jalan Diplomatik, Presint 15, 62000 Putrajaya.
 No Telefon : 03-8890 2877
 No Faks : 03-8890 2879
<http://www.jmm.gov.my/ms/museum/muzium-alam-semulajadi>

Penubuhan Muzium Alam Semulajadi (MAS) di Presint 15, Putrajaya merupakan satu usaha kerajaan untuk mengumpul, mendokumentasikan dan mempamerkan khazanah alam semulajadi seperti tumbuh-tumbuhan, haiwan, batuan, mineral dan fosil yang terdapat di negara ini untuk dimanfaatkan oleh segenap lapisan masyarakat dalam negara mahupun pelancong.



Muzium Tekstil Negara

JKR 26, Jalan Sultan Hishamudin, 50050 Kuala Lumpur.
 No Telefon : 03-2694 3457 / 3461
 No Faks : 03-2694 3466
<http://www.jmm.gov.my/ms/museum/muzium-tekstil-negara>

Muzium Tekstil Negara ditempatkan di Bangunan JKR 26 di Lot 50 Seksyen 70, Jalan Sultan Hishamuddin, Kuala Lumpur, sebuah bangunan warisan yang pernah digunakan oleh pelbagai jabatan dan institusi sebelum ini. Bangunan yang siap dibina pada tahun 1896 ini berketinggian 2 ½ tingkat dengan keluasan tanah 3259 m2 dan keluasan lantai 3145.3 m2. Muzium ini mempunyai 4 galeri.

Muzium Di Raja

Muzium DiRaja, Jalan Istana, 50566 Kuala Lumpur
 No Telefon : 03-2272 1896
<http://www.jmm.gov.my/ms/muzium-diraja>
 Muzium Diraja merupakan bangunan Istana Negara lama yang telah dibina sejak tahun 1928. Merupakan tempat bersemayam Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong sejak tahun 1957 hingga tahun 2011. Setelah dijadikan Muzium Diraja, ia dibuka kepada orang ramai pada bulan Februari 2013 sehingga kini.



STATISTIK PELAWAT 2014 JABATAN MUZIUM MALAYSIA

Sepanjang tahun 2014, seramai 3,071,579 orang telah mengunjungi 21 buah muzium di bawah pentadbiran Jabatan Muzium Malaysia (Sila lihat Jadual 1). Dalam usaha menambahkan jumlah pelawat ke muzium, JMM berusaha gigih meningkatkan kualiti pameran, mempelbagaikan tema pameran dan aktiviti untuk dijadikan daya tarikan

Statistik Pelawat Ke Muzium Di Bawah Jabatan Muzium Malaysia Dari 1 Januari~31 Disember 2014

Bil	Muzium	Pelawat Tempatan	Pelajar	Pelawat Luar Negara	Inreach Outreach Program	Jumlah	Sasaran
1	Muzium Negara	238,143	64,802	175,524	9,150	487,619	750,000
2	Muzium Perak	109,476	164,567	2,141	28,476	304,660	300,000
3	Muzium Tekstil Negara	12,991	5,201	34,639	10,320	63,151	60,000
4	Muzium Arkeologi Lembah Bujang	174,335	10,908	2,547	0	187,790	160,000
5	Muzium Kota Kayang	72,353	8,001	1,133	1,000	82,487	70,000
6	Muzium Labuan	48,994	6,454	2,086	0	57,534	55,000
7	Muzium Marin Labuan	124,997	7,088	2,771	0	134,856	132,000
8	Muzium Adat	39,827	5,027	214	33,000	78,068	75,000
9	Galeria Perdana	76,448	14,906	40,726	0	132,080	160,000
10	*Muzium Sungai Lembang	60,342	5,097	3,052	379	68,870	80,000
11	Muzium Seni Bina Malaysia	33,321	3,645	15,152	270	52,388	45,000
12	Muzium Automobil Nasional	39,699	2,414	20,660	0	62,773	62,000
13	Muzium Etnologi Dunia Melayu	53,189	5,147	163,601	1,500	223,437	300,000
14	Muzium Lukut	26,213	7,393	556	7,600	41,762	35,000
15	*Muzium Seni Kraf Orang Asli	29,504	2,504	58,058	0	90,066	390,000

Bil	Muzium	Pelawat Tempatan	Pelajar	Pelawat Luar Negara	Inreach Outreach Program	Jumlah	Sasaran
16	Muzium Matang	27,221	10,233	508	11,791	49,753	60,000
17	Muzium Chimney	45,418	5,305	4,674	0	55,397	50,000
18	Muzium Kota Kuala Kedah	234,557	16,780	464	7,615	259,416	200,000
19	Muzium Kota Johor Lama	10,391	7,174	361	2,225	20,151	22,000
20	Muzium Alam Semulajadi	5,212	8,507	115	32,013	45,847	42,000
21	Muzium Diraja	83,104	21,530	73,990	0	178,624	300,000
22	Pameran/Program Di Luar	394,850				394,850	300,000
JUMLAH KESELURUHAN PELAWAT 1 JAN - 31 DIS. 2014						3,071,579	3,648,000

* muzium ditutup utk lawatan bermula 16 April kerana kerja naiktaraf



Jabatan Muzium Malaysia,
Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia,
Jalan Damansara, 50566 Kuala Lumpur.
www.jmm.gov.my

Tel : (+603) 2267-1000
Faks : (+603) 2284-9103